

Jilidⁱ 1
Bil. 22



Hari Khamis
5hb Disember, 1974

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1953]

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN 18
[Ruangan 1955]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 1957]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1975:

Jawatankuasa (Hari Keempat)—

Jadual—

Kepala B. 23 dan 24 [Ruangan 1959]

Kepala B. 13 hingga B. 15 [Ruangan 2023]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1975:

Jawatankuasa (Hari Keempat)—

Kepala P. 23 dan P. 24 [Ruangan 1959]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Khamis, 5hb Disember, 1974

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- „ Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI (Kuala Langat).
- „ Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD, J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kota Setar).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- „ TUAN (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP (Padang Rengas).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).

Yang Berhormat TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).

- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Selayang).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ DATUK ALBERT MAH, K.M.N., D.M.P.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TAN SRI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN (Alor Setar).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).

- Yang Berhormat TUAN RACHA UMONG (Limbang-Lawas).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Gerik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibul).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,
TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).
- „ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan
Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Sri Gading).
- Yang Berhormat Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N.,
P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED
ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK
ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).

- Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG (Labuk Sugut).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN MADINA BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG (Tawau).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TENGKU RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).

YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, DATUK HAJI DZULKIFLI BIN DATUK HAJI ABDUL HAMID A.S.D.K., A.M.N. (Dilantik).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan Yang *di-Pertua* *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

JAWATANKUASA PENYEMAKAN SEMULA PELAJARAN

1. Tuan Lim Kit Siang (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Jawatankuasa Kementerian mengenai penyemakan semula pelajaran akan mempunyai fikiran luas dalam usaha mengatasi masalah pendidikan dalam negara ini supaya menjamin aspirasi ibubapa-ibubapa terhadap masa depan anak-anak mereka akan tercapai.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang *di-Pertua*, saya telah menjelaskan di Dewan ini mengenai Jawatankuasa Menteri bagi Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran ketika saya menjawab pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat dari Menglembu pada 7-11-1974 dan juga apabila menggulung Titah Ucapan Di Raja pada 11-11-1974. Saya tidak berhasrat untuk membuat ulasan lebih lanjut lagi.

PERUNTUKAN KEMENTERIAN KEBAJIKAN AM

2. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Kebajikan Am menyatakan jumlah peruntukan tahunan yang diuntukkan kepada Kementerian beliau setiap tahun bagi lima tahun yang lepas.

Menteri Kebajikan Am (Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang *di-Pertua*, jumlah peruntukkan bagi Kementerian saya untuk lima tahun yang lepas ialah seperti berikut:

Tahun	Belanja Mengurus	Belanja Pembangunan	Jumlah Peruntukan
1969	\$5,969,464	\$2,000,000	\$ 7,969,464
1970	6,683,320	1,528,460	8,211,780
1971	7,294,796	1,933,640	9,228,436
1972	7,742,800	1,647,770	9,390,570
1973	9,994,390	2,720,654	12,715,044

KAMPUS CAWANGAN UNIVERSITI PERTANIAN DI BINTULU

3. Tuan Lee Lam Thye (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah Kolej Pertanian di Bintulu akan siap dan kursus-kursus pengajian akan bermula.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang *di-Pertua*, sebenarnya, apa yang dicadangkan ialah untuk mengadakan Kampus Cawangan Universiti Pertanian di Bintulu dan bukannya Kolej Pertanian.

Cadangan untuk menubuhkan Kampus Cawangan Universiti Pertanian Malaysia yang tetap di Bintulu akan dimasukkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Kementerian Pelajaran belumlah dapat menentukan dengan tepat bila Kampus Cawangan itu akan siap.

Kursus pengajian telah dimulakan di kampus sementara di Semenggok pada bulan Julai tahun ini.

RUMAH-RUMAH PEKERJA-PEKERJA ESTET

4. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada Kerajaan telah merangka sebarang rancangan membina rumah-rumah untuk pekerja-pekerja estet, dan jika ya, sila beri butir-butir lanjut.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan S. Subramaniam): Tuan Yang *di-Pertua*, Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat telahpun memberi jawapan kepada soalan yang sama di Dewan ini pada 6hb November, 1974.

LATIHAN PERGURUAN GURU-GURU SEMENTARA

5. Tuan K. Pathmanaban bertanya kepada Menteri Pelajaran samada guru-guru sementara yang telah berkhidmat beberapa tahun akan diambil untuk diberi latihan perguruan walaupun mereka tidak mempunyai kepujian dalam mata-matapelajaran yang tertentu.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang *di-Pertua*, guru-guru sementara yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 2 tahun pada tarikh yang ditetapkan dan memenuhi semua syarat-syarat yang diperlukan akan dipertimbangkan untuk mengikuti kursus Latihan Perguruan dalam masa cuti.

Di samping itu guru-guru sementara yang memiliki kelayakan yang dikehendaki boleh membuat permohonan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran bagi Latihan Perguruan sepenuh masa di Maktab-maktab Perguruan apabila iklan-iklan berkenaan dengannya disiarkan di akhbar-akhbar.

Calun-calun yang tidak mempunyai kelayakan untuk mengikuti mana-mana Latihan Perguruan tetapi telah berkhidmat sebagai guru sementara beberapa tahun, akan diberi pertimbangan mengikut syarat-syarat yang akan ditentukan oleh Kementerian Pelajaran.

Tuan K. Pathmanaban: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan, jika di antara syarat-syarat yang dikenakan untuk memasuki sekim latihan guru mesti mempunyai credit dalam Bahasa Malaysia atau bahasa Inggeris atau lain-lain?

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya telah sebutkan tadi, perkara ini adalah dalam pertimbangan dan syarat-syarat tentang kelayakan mereka yang tidak ada kelayakan ini akan ditimbang apabila kita sudah dapat mengkaji perkara ini.

RUMAH KAKITANGAN PEJABAT POS KAMPAR

6. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Perhubungan menyatakan samada Kerajaan sedar bahawa rumah-rumah kakitangan pejabat pos dan bangunan pejabat pos Kampar adalah buruk, dan samada Kerajaan mempunyai apa-apa rancangan untuk membina rumah-rumah kakitangan pejabat pos dan bangunan pejabat pos baru di situ. Jika ya, bila ia akan dibina, dan jika tidak, mengapa.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan (Tuan Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, rancangan menggantikan Pejabat Pos Kampar yang ada sekarang ini dengan yang lebih besar dan lebih moden lagi sedang dipertimbangkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Di samping itu Pejabat Pos yang ada sekarang ini dan rumah-rumah kakitangan pos di Kampar itu akan diperbaiki.

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN 18

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya faham Ahli Yang Berhormat

dari Menglembu hendak membuat satu permohonan di bawah Peraturan Mesyuarat 18, dan kerana itu, Yang Berhormat itu telah memberi notis kepada saya, dan sekarang saya menjemput Ahli Yang Berhormat itu membuat permohonannya.

Tuan Fan Yew Teng (Menglembu): Tuan Yang di-Pertua, dengan hormatnya dimaklumkan bahawa menurut Peraturan 18 (1) Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, saya ingin meminta kebenaran hendak mencadangkan supaya Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat ini ditangguhkan kerana merundingkan satu perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan. Usul tersebut berbunyi:

“Bahawa Dewan ini mengucapkan kesalnya tentang caranya penuntut-penuntut daripada pusat-pusat pengajian tinggi dihalang dari menunjukkan simpati mereka untuk rakyat yang menderita di Baling, Grik dan Johor yang kian menghadapi kesulitan ekonomi yang teruk. Bahawa Dewan ini mengecam dengan sekerasnya pihak Polis dan Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU) kerana melakukan kekerasan ke atas penuntut-penuntut tersebut supaya mengharamkan mereka dari menjalankan hak pembebasan mereka untuk berkumpul dan bercakap. Bahawa Dewan ini mengesakan Kerajaan melapurkan kepada negara tentang kedudukan dan luasnya yang sebenar kesulitan-kesulitan ekonomi yang dialami oleh rakyat di Baling, Grik dan Johor. Bahawa Dewan ini memutuskan bahawa Kerajaan mengambil langkah-langkah yang segera dan cepat untuk mengurangkan kesusahan-kesusahan rakyat dan menarik balik semua dakwaan-dakwaan terhadap penuntut-penuntut yang terlibat di dalam demonstrasi pada 3-12-1974.”

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat telah dengar, Ahli Yang Berhormat dari Menglembu telah minta izin di bawah Peraturan 18 untuk mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan bagi membincangkan perkara tertentu berkenaan dengan kepentingan orang ramai berkehendak disegerakan.

Ahli Yang Berhormat sekalian telah dengar apa dia tujuannya, apabila Ahli Yang Berhormat dari Menglembu telah baca usul

yang beliau bercadang hendak bawa. Mengikut Peraturan Mesyuarat 18 (2) Tuan Yang di-Pertua sebelum membenarkan permintaan seperti itu hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang hendak dibincangkan itu menepati semua tiga syarat: perkara itu ialah perkara tertentu, berkehendak disegerakan, dan berkenaan kepentingan orang ramai.

Saya dapati bahawa perkara ini tidak tertentu, kerana banyak perkara dicampur-adukkan dalam usul yang dicadangkan itu. Saya boleh bersetuju bahawa perkara ini menyentuh kepentingan orang ramai, kerana dia itu melibatkan keselamatan orang awam dan harta benda. Perkara ini bukanlah satu perkara berkehendak disegerakan oleh kerana tindakan sewajarnya telahpun diambil oleh Kerajaan.

Selain daripada itu, saya suka menegaskan di sini bahawa perkara berkenaan dengan penuntut-penuntut yang terlibat dalam tunjuk perasaan pada 3-12-74 itu adalah satu perkara di bawah pandangan Mahkamah (*sub-judice*) dan mengikut Peraturan Mesyuarat 36 (2), saya tidak boleh benarkan perkara ini dibincangkan dalam Dewan ini. Oleh yang demikian, mengikut Peraturan Mesyuarat 18 (2) saya menolak permintaan Ahli Yang Berhormat itu.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG (SARAAN, PENCEN DAN GANJARAN) ANGGOTA PENTADBIRAN DAN AHLI PARLIMEN

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Ordinan (Saraan) Menteri-menteri, 1957, Akta (Saraan Ahli-ahli) Parlimen, 1960, Akta Menteri-menteri Muda, 1960, Akta (Saraan) Setiausaha-setiausaha Parlimen, 1965 dan Akta (Pencen dan Ganjaran) Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen, 1971; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Undang-undang dan Peguam Negara; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PEMUSNAHAN SERANGGA PEMBAWA PENYAKIT

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi membuat peruntukan untuk memusnahkan dan mengawal serangga-serangga pembawa penyakit dan untuk memeriksa dan merawat dari segi perubatan orang-orang yang mengidapi penyakit yang dibawa oleh serangga dan untuk perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kesihatan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada pesidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1975

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1975

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1975 dan Anggaran Pembangunan, 1975 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (4hb Disember, 1974).

Majlis Mesyuarat menjadi Jawatankuasa

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Jawatankuasa)

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah diberi faham ada ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat suka mengambil bahagian perbahasan dalam Jawatankuasa berkenaan dengan Anggaran Perbelanjaan Kementerian Pelajaran. Jadi, saya suka memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, saya bercadang membenarkan perbahasan itu boleh dilanjutkan sehingga pukul 5.15 petang ini. dan tiap-tiap seorang Ahli-ahli Yang Berhormat tidaklah dibenarkan bercakap lebih daripada 15 minit; selepas pukul 5.15, Yang Berhormat Menteri Pelajaran akan menjawab.

Kepala B. 23 dan B. 24 (Jadual)—

Kepala P. 23 dan P. 24 (Anggaran Pembangunan, 1975)—

2.49 ptg.

Tuan Edwin anak Tangkun (Batang Lupar): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyentuh Kepala P. 24 Pecahan-kepala 1 dan 2, muka 190—Sekolah-sekolah Menengah dan Sekolah-sekolah Rendah Sarawak.

Tuan Pengerusi, wang yang diperuntukkan kepada Sekolah-sekolah Rendah di Negeri Sarawak tahun 1975 ini memang berjuta-juta lebih banyak dari tahun yang sudah. Mengikut laporan Anggaran Perbelanjaan, Kertas Perintah 24 Negeri Sarawak adalah disediakan sebanyak \$4.38 juta sebagai membantu rancangan pembinaan bilik darjah, bilik darjah tambahan dan lain-lain kemudahan untuk pelajaran sekolah rendah di Sarawak dan bagi sekolah menengah wang yang diperuntukkan sebanyak \$13.4 juta dalam tahun 1975. Oleh kerana pelajaran di Negeri Sarawak tahun 1975 ini iaitu Peperiksaan Primary Six sudah dihapuskan (abolished). Saya rasa gembira, oleh kerana saya sendiri tiap-tiap tahun telah bercakap dalam Dewan yang mulia ini, iaitu meminta Kerajaan Pusat supaya dihapuskan Peperiksaan Primary Six itu di Sarawak, dan pada tahun ini sudah pun dilaksanakan. Saya dan rakan-rakan saya daripada Parti SNAP memberikan setinggi-setinggi tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan Pusat, kerana Kerajaan Pusat sudah menerima apa yang telah dibangkitkan oleh wakil dari Parti SNAP di masa yang lalu. Rakyat di Sarawak tentulah bersama-sama memberikan terima kasih sebab Peperiksaan Primary Six sudah dihapuskan di Negeri Sarawak. Kami di sana sudah sama-sama menerima pelajaran Sekolah Rendah, sekarang sudah berjalan terus.

Tuan Pengerusi, di kawasan saya Batang Lupar ada sebanyak 48 buah Sekolah Rendah dan 3 buah Sekolah Menengah. Di sini saya menyentuh sedikit berkenaan dengan Sekolah Rendah itu. Dalam masa 2 tahun yang lepas Sekolah Rendah ini sudah diserahkan kepada Kerajaan. Waktu menyerahkan Sekolah Rendah itu, Minister for Local Government di Sarawak ada diberitahu mengambil sekolah itu dari Local Authority. Jadi waktu mengambil Sekolah Rendah itu Menteri yang berkenaan ada memberi penerangan kepada Councillors dan beliau telah berjanji katanya “mulai tahun 1973 jika Sekolah Rendah itu

diserahkan kepada Kerajaan, Kerajaan Negeri dapat menyediakan bangunan-bangunan sekolah ataupun new school buildings, rumah-rumah guru, bangku-bangku sekolah dan buku-buku teks”. Tuan Pengerusi, walaupun sudah berapa tahun Sekolah-sekolah Rendah itu telah diserahkan kepada Kerajaan, tetapi di kawasan saya, di Batang Lupar masih lagi belum berjaya. Di sini saya memohon kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran supaya beliau dapat memberi perhatian ataupun menyasiat dengan cepatnya oleh kerana banyak Sekolah-sekolah Rendah di luar bandar masih lagi ketinggalan dalam bermacam-macam perkara, seperti buku-buku teks, uniform dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, berkenaan kekurangan guru-guru di Negeri Sarawak, saya bukan hendak kritik, tetapi memberi pandangan kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran, di Negeri Sarawak memang banyak lagi tempat-tempat yang tidak cukup guru. Soal kekurangan guru-guru ini pun bukan di Negeri Sarawak sahaja, bahkan di Semenanjung Malaysia juga. Di sini saya memohon kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran dapat menimbangkan supaya dapat dicukupkan guru-guru di Negeri Sarawak di masa yang akan datang.

Berkenaan dengan guru-guru Sekolah Menengah di Sarawak, pada pendapat saya Kerajaan Negeri Sarawak banyak menggunakan guru-guru yang mengajar matapelajaran sains. Dalam beberapa tahun yang lalu Kerajaan Negeri Sarawak dapat guru-guru itu kebanyakannya dari luar negeri. Di sini saya mohon kepada Kerajaan Pusat supaya dapat menghantarkan ramai lagi murid-murid kita dari negeri Malaysia mengambil pelajaran sains keluar negeri. Jika pelajaran sains ini dikembangkan, Malaysia dalam 10 tahun yang akan datang, pada faham saya tentulah kita tidak kekurangan guru-guru yang mengajar dalam matapelajaran sains. Jadi dengan ini, Tuan Pengerusi, saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan Pusat, oleh kerana kami di Sarawak sudah sama-sama menerima Sekolah Rendah itu berjalan terus dari tahun 1975.

2.55 ptg.

Tuan Chian Heng Kai (Batu Gajah): Tuan Pengerusi, pertama sekali saya ingin menyentuh berkenaan dengan B. 23, Pecahan-kepala 1100.

Tuan Pengerusi, apabila Kerajaan menggunakan perkataan "Kepentingan Negara" untuk menolak ijazah Nanyang dan Taiwan, Kerajaan telah menerangkan pendiriannya akan menghargai mutunya. Saya suka bertanya di sini adakah mutu yang ditetapkan oleh Kerajaan berhasil pada setakat ini? Berapakah jumlah mahasiswa Nanyang dan Taiwan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk berkhidmat dalam Kerajaan berdasarkan mutu dan ijazahnya? Dan layanan mereka adakah sama dengan mahasiswa lain? Sekiranya Kerajaan menghargai mutu ijazah Nanyang dan Taiwan, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan terhadap badan berkanun, firma dan bank-bank yang mengeksploit mahasiswa Nanyang dan Taiwan? Sekarang saya suka...

Tuan Pengerusi: Di bawah Kepala mana Yang Berhormat bercakap?

Tuan Chian Heng Kai: B. 23. Pecahan-kepala 1100.

Tuan Pengerusi: Sila sambung.

Tuan Chian Heng Kai: Sekarang saya suka memberi dua contoh yang membuktikan Kerajaan tidak menunaikan janjinya:

- (1) Seorang mahasiswa yang tamat dari Taiwan National University yang mengajar di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cameron Highlands, malangnya sampai hari ini beliau masih menerima layanan C. 3 di bawah Sekim Aziz Report.

Mahasiswa-mahasiswi Taiwan dan Nanyang yang mengajar di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan sebagai sambilan hanya mendapat enam ringgit satu jam dibandingkan dengan guru-guru yang mengajar di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan masih kurang satu ringgit. Sebagaimana lain yang tidak berpengalaman hanya mendapat tiga ringgit satu jam sekiranya mereka mengajar di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan sebagai sambilan. Ini adalah satu eksplotasi.

- (2) Seorang mahasiswa Taiwan yang bernama Encik Choong Het Choo yang sudah berkhidmat sebelas tahun di Malayan Banking Berhad di Baling tetapi layanannya masih sama dengan kelulusan Senior Middle III dan MCE.

Saya merayu Kerajaan mengambil tindakan yang tegas terhadap perkara ini.

Perkara lain yang mengkhawatirkan hati masyarakat China ialah masalah guru-guru terlatih di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China. Seperti kita ketahui, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China sedang dan telah mengalami kekurangan guru-guru terlatih, dan syarat-syarat yang dikenakan oleh Kerajaan untuk mengambil guru-guru sementara dan graduan-graduan sekolah adalah berdasarkan kepada keputusan Bahasa Malaysia dan menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar dalam kelas latihan guru. Ini tidaklah sedikitpun rasional dan menasabah. Di bawah keadaan seperti ini, tidak syak lagi mutu bahasa China akan turut merosot, dan disebaliknya, jikalau guru-guru Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan dilatih dengan bahasa China dan digunakan sebagai bahasa pengantar, saya percaya mutu Bahasa Malaysia pun rendah dengan berterusan.

Dalam perkara ini, Tuan Pengerusi, saya mencadangkan supaya Kementerian Pelajaran patut menyemak semula dasar-dasar latihan guru-guru supaya menyesuaikan prinsip-prinsip Dasar Pelajaran dan membahagikan Kelas Latihan Guru kepada tiga jenis bahasa sebagai bahasa pengantar, iaitu Bahasa Malaysia, bahasa China dan bahasa Tamil. Walau bagaimanapun, Bahasa Malaysia mesti dikompalsri (compulsory) pada tiap-tiap jenis Kelas Latihan Guru dan bahasa pengantar masing-masing pun dikompalsrikan.

Tidak lama dahulu masyarakat China memohon untuk membina sebuah Kolej Merdeka supaya dapat menampung graduan-graduan dari Sekolah Menengah China Perseendirian. Walau pun Kerajaan Barisan Nasional telah menolak permohonan itu, saya ingin merayu di sini supaya pihak Kerajaan menimbang semula permohonan itu memandangkan Universiti Nanyang tidak akan mengambil pelajar-pelajar di Malaysia. Perkara lain yang membimbangkan hati masa depan murid-murid Sekolah China ialah masaalah selok-belok selepas negara kita mengadakan hubungan rasmi dengan Republik Rakyat China, saya percaya Kerajaan mesti tidak membenarkan pelajar-pelajar kita melanjutkan pelajaran mereka di Republik Rakyat China, murid-murid

sekolah China sedang berdiri di simpang jalan sekiranya Kerajaan tidak luluskan permohonan tersebut itu.

Saya harap Yang Berhormat Menteri Pelajaran akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memberhentikan penjualan Tanah Sekolah seperti skandal yang telah berlaku di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Wan Hua di Menglembu tidak akan berulang lagi.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah mengarahkan supaya mata pelajaran Bahasa Malaysia dalam peperiksaan M.C.E. diperiksa sekali lagi. Ini tidaklah adil dan bukan dosa calun-calun M.C.E. Hukuman ini tidak patut dijatuhkan ke calun-calun M.C.E. sedangkan mereka masih dalam peperiksaan. Kononnya seorang calun M.C.E. telah membunuh diri oleh kerana itu, di sini saya mengesyorkan supaya pihak yang berkenaan mengambil satu tindakan yang lagi sempurna untuk menyelesaikan perkara ini.

Baru-baru ini Kerajaan telah menubuhkan satu Jawatankuasa peringkat Menteri untuk menyemak Perlaksanaan Dasar Pelajaran. DAP memang sukacita atas penubuhan Jawatankuasa ini dan kita telah mengumumkan dengan rasminya bahawa kita akan mengemukakan pendapat-pendapat dan usul-usul parti kita untuk Jawatankuasa ini. Pada hemat saya Jawatankuasa ini hanya dengan tujuan menyemak perlaksanaan dasar pelajaran adalah tidak mencukupi dan tidak sempurna; kita mesti meluaskan Jawatankuasa ini sampai ke Penyemakan Dasar Pelajaran dan bukan hanya dengan tujuan menyemak Perlaksanaan Dasar Pelajaran sahaja. Kalau Dasar Pelajaran negara kita hendak memuaskan hati seluruh Rakyat Malaysia dan bukan memuaskan hati sekumpulan rakyat sahaja.

Sebagaimana yang kita ketahui, masalah Pelajaran China bukanlah satu perkara yang baru timbul di negara kita, tetapi sudah lama wujud di tanahair kita sejak penjajahan British sampai sekarang; malangnya dan juga mengecewakan orang. Parti-parti yang sebutkan diri mewakili rakyat Malaysia keturunan China, MCA khasnya dan GERAKAN amnya tidak sedikitpun memperjuangkan hak-hak orang China dan faedah-faedah Sekolah-sekolah China, mereka hanya mem-bisu sahaja di dalam Dewan. Yang menyedih-

kan hati sekali ialah mereka seperti boneka menyokong tanpa menimbang sedikitpun Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Kerajaan yang bertujuan mengancamkan hak-hak pelajaran China.

Yang akhirnya, Tuan Pengerusi, saya berasa terperanjat, berdasarkan pihak mana Kerajaan percayakan pendapat-pendapat MCA dan GERAKAN adalah mewakili pendapat-pendapat seluruh rakyat Malaysia keturunan China. Ini adalah kebodohan Kerajaan atau seperti setengah peminat-peminat Pelajaran China mensifatkan Kerajaan bersiap sedia untuk membasmikan Pelajaran China.

3.07 ptg.

Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abdul Shukor (Padang Terap): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong anggaran perbekalan Kementerian Pelajaran yang berjumlah \$1,287.4 juta bagi tahun 1975 ini.

Saya rasa peruntukan pada tahun 1975 ini adalah suatu peruntukan yang paling besar semenjak 3 tahun yang akhir-akhir ini. Kalau peruntukan bagi tahun 1973 yang berjumlah \$930.7 juta dan kalau peruntukan tahun 1975 ini pula adalah berjumlah sebanyak \$1,287.4 juta, maknanya dalam lengkongan 3 tahun ini peruntukan bagi pelajaran di negara kita telah meningkat naik kepada \$350.7 juta. Ini adalah menjadi bukti bahawa Kerajaan adalah mementingkan masaalah pelajaran rakyat dan mementingkan masaalah jenerasi kita akan datang yang mewakili Kerajaan dan mewakili pentadbiran yang akan datang. Oleh kerana hendak menjimatkan masa, saya hanya hendak menyentuh sedikit dalam masaalah-masaalah yang bersabit dan bersangkutan dengan perkara-perkara di tempatan sahaja. Perkara yang pertama yang hendak saya sentuh sedikit ialah di bawah Pecahan-kepala (Kod) 1100 (3)—Pelajaran Rendah dan Menengah.

Tuan Pengerusi, setakat ini kanak-kanak yang hendak melanjutkan pelajaran di sekolah menengah di kawasan-kawasan luar bandar khasnya di kampung-kampung terutama yang di pendalaman sedikit, adalah menghadapi beberapa masaalah kesukaran kerana jauhnya kedudukan sekolah menengah itu dengan tempat-tempat kediaman mereka. Sebagai contohnya, sukalah saya menarik

perhatian kepada dua buah sekolah menengah dalam kawasan Padang Terap iaitu Sekolah Menengah Kuala Nerang dan Sekolah Menengah Pokok Sena—kedua-duanya adalah di dalam kawasan Padang Terap. Kampung-kampung yang termasuk di dalam lengkungan sekolah-sekolah menengah yang saya sebutkan tadi, ada yang jauhnya sehingga lebih daripada 10 batu dan kampung-kampung itu pula adalah yang berjauhan daripada jalanraya sejauh beberapa batu dengan melalui jalan-jalan yang lecak, jalan-jalan di sawah padi, melalui belukar-belukar dan lain-lain dan bila sampai di jalanraya kanak-kanak tersebut sukar pula untuk mendapat pengangkutan seperti bas. Kadang-kadang ada bas, kadang-kadang tidak ada bas, kadang-kadang bas datang lambat dan kadang-kadang bas datang cepat. Demikianlah satu gambaran kesusahan kanak-kanak di kawasan luar bandar untuk melanjutkan pelajaran mereka ke sekolah menengah. Memandangkan kepada perkara-perkara yang saya sebutkan tadi saya ingin menarik perhatian Kementerian yang berkenaan dalam masa melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga kelak dapatlah kiranya memperuntukkan satu peruntukan yang agak besar bagi mengadakan asrama-asrama bagi sekolah-sekolah menengah di kawasan-kawasan luar bandar, terutama sekali bagi Sekolah Menengah Kuala Nerang itu sendiri dan juga Sekolah Menengah Pokok Sena, sebagaimana yang saya katakan tadi bahawa perkhidmatan bas yang ada di tempat itu adalah perkhidmatan Bas MARA yang kadang-kadang ada, kadang-kadang tidak ada, kadang-kadang lambat dan kadang-kadang cepat.

Satu perkara lagi ialah berkenaan dengan sekolah rendah ini juga iaitu memperbaiki sedikit sebanyak akan kerosakan-kerosakan yang berlaku di sekolah itu iaitu perkara repair. Biasanya permintaan repair yang datang daripada sekolah-sekolah yang berkenaan itu terlalu lambat dalam diproses kadang-kadang sampai setahun satu permintaan yang hanya sedikit untuk memperbaiki sedikit kerosakan tidak dapat dilaksanakan oleh pihak-pihak yang berkenaan. Sebagai contohnya ialah permintaan daripada Sekolah Kebangsaan Padang Senai untuk memperbaiki sedikit sahaja kerosakan pam air telaga di sekolah itu, oleh kerana kedudukan sekolah itu tidak ada pemancut air, jauh dari telaga dan telaganya dalam dan terpaksa

menggunakan pam. Oleh kerana pamnya rosak, pihak yang berkenaan itu telah memanjangkan permintaannya itu kepada pihak Jabatan Pelajaran Negeri. Setakat ini hampir setahun masih belum lagi ditunaikan. Bila saya berjumpa dengan pihak yang berkenaan di peringkat negeri adalah diberitahu bahawa perkara tersebut telahpun dipanjangkan kepada pihak Jabatan Kerja Raya, dan bila saya dapat bertemu dengan pihak Jabatan Kerja Raya, saya telah diberitahu bahawa perkara itu masih di dalam proses.

Tuan Pengerusi, memandangkan perkara-perkara yang seperti ini yang merupakan perkara kecil sahaja, saya berharap kepada Kementerian Pelajaran supaya mengkaji semula berkenaan dengan peruntukan bagi memperbaiki sedikit-sebanyak daripada sekolah-sekolah. Kalau biasanya masalah itu diserahkan kepada pihak Jabatan Kerja Raya, saya rasa untuk menyenangkan dan memudahkan pihak-pihak yang berkenaan itu dapatlah kiranya diadakan satu bahagian dalam Jabatan Pelajaran Negeri sendiri untuk memproses perkara tersebut supaya dapat dilaksanakan dengan lebih cepat lagi.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada Kepala B. 23, Pecahan-kepala 9 (b) iaitu di bawah Kepala 4100—Sekolah-sekolah Ugama Rakyat sebanyak \$700,000. Saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan perkara ini yang saya rasa bahawa peruntukan yang diberikan kepada Sekolah-sekolah Ugama Rakyat bagi tahun 1975 ini hanya sebanyak \$700,000 sahaja, saya rasa satu peruntukan yang sedikit jika dibandingkan dengan bilangan Sekolah-sekolah Ugama Rakyat itu sendiri dan juga bilangan kanak-kanak yang menuntut di Sekolah Ugama Rakyat itu. Oleh itu, saya mencadangkan kepada Kementerian Pelajaran supaya dapat kiranya menambah sedikit-sebanyak lagi bersabit dengan peruntukan kepada Sekolah Ugama Rakyat ditambah peruntukan per capita menurut bilangan murid-muridnya dan juga bilangan sekolah yang mendapat bantuan.

Satu perkara lagi yang saya ingin hendak bercakap sedikit di bawah Pecahan-kepala 1—Pelajaran Rendah: A—Pembinaan dan Pengambilan Tanah; B—Kelengkapan. Apa yang hendak saya sentuh dalam perkara ini ialah bersabit dengan perlaksanaan bagi projek-projek mendirikan sekolah-sekolah

rendah. Menurut lazimnya bahawa pelaksanaan projek tersebut memakan masa yang terlalu panjang, kadang-kadang sampai 4-5 tahun barulah projek itu dilaksanakan. Sebagai contohnya, sukaulah saya menarik perhatian Dewan kepada projek menambah bangunan dan bilik darjah Sekolah Kebangsaan Padang Terap iaitu satu kampung di kawasan Padang Terap sendiri yang mana kawasan Padang Terap ini ialah kawasan yang telah menjadi tunang kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran yang ada sekarang, tetapi dia tidak jadi kahwin dengan Yang Berhormat Menteri Pelajaran itu dan dia telah berkahwin dengan saya. Kami berdua bertukar kawasan. Nasib kami baik menang tanpa bertanding.

Tuan Pengerusi, Sekolah Kebangsaan Padang Terap telah dirancang untuk mendirikan 4 bilik darjah iaitu dua bilik bagi darjah-darjah, satu bilik untuk Bilik Guru dan satu bilik untuk Bilik Sains. Rancangan ini dibuat dalam tahun 1970, tetapi sampai sekarang sekolah yang tersebut masih belum siap lagi. Menurut banci yang diterima oleh guru-guru sekolah yang berkenaan bahawa dalam tahun 1975 ini, 4 bilik darjah yang telah dibuat sekarang ini hanya mencukupi untuk permintaan masuk daripada kanak-kanak dalam tahun 1975. Ini satu contoh bahawa pelaksanaan kepada projek-projek mendirikan sekolah-sekolah tersebut sangat lambat menyebarkan dalam masa 4-5 tahun itu perkembangannya adalah luar daripada dugaan. Oleh itu, saya merayulah kepada Kementerian Pelajaran supaya menambahkan lagi dua bilik darjah kepada Sekolah Kebangsaan Padang Terap supaya sekolah itu juga dapat mengadakan satu Bilik Sains dan juga satu Bilik Guru untuk kemajuan sekolah yang tersebut itu.

Tuan Pengerusi, perkara yang akhir yang hendak saya sentuh ialah perkara kekurangan tempat di sekolah-sekolah. Biasanya sekolah-sekolah di luar bandar adalah menggunakan bilik pada sebelah petang, sedangkan seperti yang saya sebutkan tadi bahawa kedudukan sekolah-sekolah di kawasan luar bandar adalah jauh daripada jalanraya. Dengan sebab itu menjadi kesukaran kepada kanak-kanak yang tersebut hendak berulang alik ke sekolah. Saya merayu kepada Kementerian Pelajaran dapat kiranya di kawasan-kawasan di luar bandar, terutama sekali di kawasan-kawasan

yang tertentu tidaklah kiranya di sekolah yang tersebut itu diadakan kelas sebelah petang, melainkan dapatlah kiranya diadakan di sebelah pagi sahaja.

3.09 ptg.

Datuk Stephen Yong Kuet Tze (Padawan): *(Dengan izin)* Mr Chairman, Sir, we in Sarawak must be thankful for the increased provision for education for the State of Sarawak in 1975. It shows the appreciation by the Federal Government for the need of expansion of education in the State.

Indeed, Sir, most parents, particularly in the rural areas, are crying out for more education for their children because they see education as the ladder with which their children can climb and hope to attain a higher social and economic status. We cannot blame them for holding such a view although whether children with higher education would really achieve that status is a matter for debate. But since there is such an overall demand for more education it is my humble opinion that first we have to ensure that the students, the pupils, who go to school do get proper education not only in the form of good textbooks and syllabus but more important the quality of teachers. For this reason, I feel that we have to ensure in our teacher training programmes that teachers are properly trained.

I notice the provision for 1975, although the Minister of Education has told the House in his opening address that the number of teachers will be increased by 400—500 next year, has been reduced in the Development Estimates. I hope very much that reduction in the funds would not in any way affect the training of more teachers and better teachers for our schools in Sarawak.

The other point I wish to make, Mr Chairman, Sir, is in regard to teachers for Bahasa Malaysia. We in Sarawak have been all the time short of teachers for Bahasa Malaysia. As you know, Mr Chairman, Sir, we have only tried recently to introduce Bahasa into our schools from primary school level and most of the schools have experienced shortage of Bahasa Malaysia teachers. Therefore, we are unable to produce the pupils who are proficient in our national language and as a result, many have not been able to attain the standard that is required of them to gain entrance into our Universities here. I hope

very much that by having more Bahasa teachers, this defect can be remedied. But in the meantime, I would appeal to the Ministry of Education to relax the Bahasa qualification for entry into our universities here for students from Sarawak and Sabah because we have not been able to provide the facilities for these students to learn this language. I would also like to make an appeal on behalf of the would-be students who are trying to gain entry into our universities here that a certain quota be given to Sarawak and Sabah students so that they would have the opportunity of joining the universities and be able to feel that they have also a share in the national education stream.

I agree with many speakers, Mr Chairman, Sir, of the need for better discipline for our students not only in the secondary schools but also in the universities and I do agree that those students who have enjoyed the scholarships given by the States with public funds, if they should not pursue the courses of studies which they are supposed to do and should they indulge in any activity which is not connected with their studies, then their scholarships ought to be withdrawn and, at least if not withdrawn, a severe warning should be given to those students who are found to be guilty of misconduct.

Mr Chairman, Sir, there are many students, deserving cases, who are poor. Either they cannot get scholarships from the States or other sources and they may feel that they should have the opportunity of having higher education. In this, I would suggest that the loan scheme to students ought to be expanded so that more poor students could have the chance to go for higher studies and such loans could be made to be interest-free and repayable, say, one year after they graduated and are employed. I feel that this may work out to be better than out and out scholarship to students because then they will feel that they are obligated to repay what is being given to them and would not go out and enjoy while having a higher education without a care to repay to whoever is lending the money or to the society.

Sir, coming back to secondary education in Sarawak, we have for the last two years been very fortunate to get assistance from the Federal Government, in giving students from Primary 6 to go on to the lower

secondary schools. By next year, we shall have 100% of Primary 6 leavers who would have the opportunity of going to secondary schools. The trouble now, of course, Mr Chairman, Sir, is the facilities. As I have said, we should not only have teachers but also school buildings. In this regard, Mr Chairman, Sir, I would suggest that in order to facilitate the students to have places to go and not to be held up in this programme since there is a public demand for more education, that the Ministry would go out of its way to negotiate with other voluntary educational agencies like aided schools or other School Boards of Management to use their premises to tide over the time when the new school buildings are being built because we know that in order to have more secondary schools, more buildings have to be constructed to house the students. But in the meantime, because of either shortage of buildings or because of the high prices, if there are not enough provisions for the building of these schools, then I would suggest that the Ministry make use of existing buildings belonging to either private organisations like School Boards of Management or other educational agencies.

Here again, Mr Chairman, Sir, I would like to suggest also to the Ministry that since most of these educational agencies whether they are private or semi-Government, like many of the schools which are being run by Missions or by public bodies, they are all serving one purpose and that is to give higher educational facilities to our children, we can ask them to assist and to help out in our educational programme. We know that many schools are having grants in the form of aids from the Government. They are called aided schools, but other than those aided schools, we have got private schools which are run completely on a non-profit making basis. I would have thought that this sort of schools should be approached and should be asked to assist in our national education programme, and if we can do that then we can save a lot of money because these are facilities in existence.

Another point, Sir, is the subsidies to secondary schools as provided in P. 24. I am not very certain as to the nature of such subsidies. Mr Chairman, Sir, we have in Sarawak boarding schools for the secondary pupils who have come from various kam-pungs to one centre and they have no money,

but they pay in the form of some rice to the schools and the schools then have to feed them with certain grants from the Ministry of Education. Now this grant is so little that the schools themselves are unable to feed these students. So for many years, the Education Department has to depend on subsidies or some form of food subsidies from UNESCO. I know as a fact that the Catholic Welfare Body has been getting Bulgar wheat and some other foodstuffs from America and which is being supplied to the schools to augment the food of these boarding schools.

Tuan Pengerusi: Tempoh sudah cukup. Ahli Yang Berhormat sudah bercakap selama 15 minit.

Datuk Stephen Yong Kuet Tze: Mr Chairman, Sir, I am just saying here that this has been withdrawn and therefore I am appealing to the Ministry whether or not the subsidy to the secondary schools can be increased so as to ensure that the food that is being given to these rural students would be sufficient at least to feed them so that they can live on it.

Mr Chairman, Sir, I notice that the provision for 1975

Tuan Pengerusi: Saya kata tempoh sudah cukup, Ahli Yang Berhormat. Barangkali Yang Berhormat tidak ada dalam Dewan ini pada masa saya mengumumkan bahawa kita akan sambung lagi perbahasan atas Kementerian Pelajaran sampai pukul 5.15 petang, tetapi dengan syarat tiap-tiap seorang Ahli Yang Berhormat diminta jangan berucap lebih daripada 15 minit, oleh sebab ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain hendak bercakap.

Datuk Stephen Yong Kuet Tze: Yes, Mr Chairman, Sir, I will finish now. The provision for television education is \$1.9 million for 1975 whereas the provision for schools broadcasting is \$26,000 only for 1975. The coming of television to Sarawak is a good thing, but if for some reason television does not come to Sarawak in 1975 and if there is money there, because the school broadcasting programme is very useful for our purpose in education and therefore if the sum for the school broadcasting should be short, I hope the Ministry would allow the money under the television education to be

transferred to school broadcasting so that we can make more use of the school broadcasting facilities.

3.36 ptg.

Tuan K. Pathmanaban (Telok Kemang): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Kepala B. 23, Pecahan-kepala 4100, butiran (3) dan (5). Dengan adanya sebuah Jawatankuasa Kabinet di dalam perkara pelajaran, saya ingin membangkitkan dua perkara sahaja yang berkaitan dengan peluang-peluang pelajaran untuk murid-murid miskin daripada luar bandar.

Di sini saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) This matter of opportunities for the education of rural children is an important one because for these poor rural families education represents the primary and often the only vehicle for improving their life chances. The difficulties faced by these poor families in kampungs, estates, remote new villages and the like and the resultant high incidence of premature departure from schools are wellknown to the Government and to the Honourable Minister himself. They have been highlighted in many reports and most recently in the Drop-out Report published by his Ministry. In this context, Sir, I would like to raise merely two points: firstly, the situation and the facilities in the schools, particularly Tamil Schools, in estates; and secondly, the facilities given to these children from estates to progress up the education ladder, particularly post secondary education in universities and colleges.

Referring to Tamil schools in rubber estates, most of these Tamil schools, nearly 85% of them, are very small by any definition, having enrolments of less than 100 children. They lack adequate building space or classrooms, they lack trained teachers and a host of educational facilities that are needed to provide a decent education, particularly education that can enable them to progress further in the educational cycle and in life itself. The teaching of Science, Bahasa Malaysia and English in these schools remains grossly inadequate, despite the emphasis we now give to these subjects in our school system. The problem, Sir, is not that they are Tamil medium schools but primarily one of

these estates merely adds to the backwardness of the educational standards in these schools and of the children themselves.

There is little wonder, Sir, that in such a situation a bare 10% or so of the children from the estate schools, particularly the Indian children, enrolling in primary one proceed further up in the school system to complete the secondary school cycle.

Sir, I would urge the Honourable Minister to pay much greater attention to these schools in estates by instituting an expanded and more co-ordinated training programme for the teachers in these schools and improving the school buildings—wooden buildings if you want them—but improve them with more classroom space and facilities, regrouping these schools wherever possible where these are closely located to one another and posting more trained and Bahasa Malaysia, English and Science teachers to these schools. In this respect, the Honourable Minister may well want to review the training programme for these teachers which now takes place only in the vacation periods, to make them more regular so that the supply of these teachers can be accelerated and the training programme itself made much more effective. The physical state, leave alone the education standard, of these schools leaves much to be desired, and they have to be seen to be believed. Many of these schools lack proper roofs and three or four classes are often sharing a single room with all the children in all the standards learning the same subject matter or not hearing anything at all.

As far as the secondary education for these children, particularly estate children, is concerned, having been to these estate schools, whether they be of Tamil medium or Chinese medium or whatever medium, they often have to enrol in Remove classes in order to enter the secondary school cycle; and in doing so they face very serious problems. These Remove Classes are the true ugly ducklings of the education system, of the school system. These Remove Classes, if one goes by educational theories and requirements, should, in fact, have much greater attention, a much greater portion of the time input of headmasters and teachers and anybody connected with the school system, but in fact they do not.

A point of significant importance to the disadvantaged rural students is the residential

school programme. School hostels are being expanded—and I welcome this—and special residential science schools are being built; this is another development in the education programme we must all welcome. However, it is doubtful if more than a very small fraction of estate and new village children get admission into these residential schools or into these hostels. These schools with hostel facilities are important, as I said, because they enable us to cut across the vicious circle of poverty faced by these rural residents and are at the same time providing a unique opportunity for multi-racial living among our young Malaysians while they are young themselves. I hope that next year and in the years ahead, this system of residential schools and facilities will be expanded significantly and that living in the hostels and residential schools will become a reality for a larger number of estate and other rural children.

Referring to higher education now, Sir, with the expansion of our colleges and universities, this level of education is becoming available to a greater mass of the student population at great public expense as has been pointed out in this House yesterday and today. I congratulate the Government on the dramatic steps that have been taken to bring about this democratisation of higher education.

I particularly welcome the fact that increasing numbers of Bumiputra students have been afforded assistance to gain admission to these colleges and universities. The success in this regard so far is well documented now though there are still too few Bumiputra students in engineering and the sciences. This success shows the determination of the Government to open up new vistas of opportunities to the hitherto disadvantaged population of our country.

However, Sir, I would urge the Honourable Minister, particularly as he is one of those who has very early and has continuously championed the cause of the disadvantaged in education to look into the handicaps and problems faced by children of whatever race from estates, the much neglected sector before. With all the handicaps that these children face in their initial school careers, these children need a system of weightage, a system of preference and a system of assistance that would enable them to overcome these initial early handicaps.

Every year, Sir, the question of admission of Malaysian Indian children who are mainly from rubber estates into our universities and colleges has become a last-minute problem. Last year, students demonstrated, the Vice-Chancellors and Council Chairmen ran frantically around and the M.I.C. leaders were put into a very difficult situation despite their best efforts. It nearly happened that the Indian student's shares in the enrolments last year would have been lower than in earlier years—this nearly happened. And this is inevitable in the light of the problem that these children face lower down the school system. It is important, Sir, that if racial balance in all its dimensions and ramifications is to become a reality in Malaysia in the years ahead and within the target set for this purpose, the dearth of Malaysian Indian enrolment in our universities and colleges should be looked into now and should be looked into with greater care. There is little point in Vice-Chancellors or University Councillors being left to handle this problem, as they have shown themselves to be quite incapable of understanding this matter and of handling this matter effectively and they continue to show such incapacity and lack of understanding.

I hope our Honourable Minister will this time take this matter into his personal consideration and attention, so that we will not have a similar run-around as we had last year.

I would also urge the Honourable Minister to enable larger numbers of these disadvantaged estate children to be enrolled in the pre-university, pre-science, pre-engineering, and pre-medical courses. I notice that we, in fact, have significant provisions for these in the Budget proposed, and I would urge that the opportunities for enrolment in these classes should be designed to deal with or assist those who face serious handicaps and disadvantages in their earlier education, so that they can enter the regular courses in these colleges and universities and perform with greater ease and succeed in the careers that they seek.

Our objective in the total education system should be to enable the united and just society that we all seek to be achieved. I submit, Sir, that assisting those faced with handicaps and disadvantages in educational opportunities, whether they are of

Bumiputra, Indian or Chinese origin or of other origins, is an integral and important part of our battle for unity and justice.

3.47 ptg.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap ketika membentangkan dalam peringkat Jawatankuasa berhubung dengan perbelanjaan Kementerian Pelajaran yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran kita yang saya lihat bahawa beliau ini berani berterus terang menyatakan sesuatu untuk kepentingan negara tanpa mengira apa-apa, hanya yang difikirkan ialah untuk faedah negara sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat itu pada masa membentangkan belanjawan ini pada hari semalam.

Tuan Pengerusi, saya ingin memperkatakan sedikit berhubung dengan Kepala B. 23, Pecahan-kepala 4100, Aktiviti (3) Pelajaran Rendah dan Menengah. Saya ingin menyebut tentang kekurangan guru. Sebagaimana yang kita dapat tahu memang banyak kekurangan guru di mana-mana sahaja dalam negara kita ini dan setahu saya sekarang ini kekurangan itu ditampung dengan guru-guru sementara. Kalau tidak salah saya sebanyak 12,000 guru-guru sementara ada di negara kita di mana mereka ini berkhidmat sebagai guru-guru yang kekal juga. Cuma masalaahnya sehingga hari ini guru-guru sementara ini masih belum dapat keputusan yang muktamad daripada pihak Kementerian Pelajaran samada mereka ini secara tegas boleh dimasukkan menjadi guru-guru yang kekal.

Sebab, apa yang saya tahu banyak guru-guru sementara yang ada mempunyai kelulusan S.P.M., tetapi telah berkhidmat tiga tahun tidak diterima juga untuk dimasukkan ke maktab-maktab perguruan, memang benar mereka ini diberi kursus pada masa cuti, tetapi tidaklah bermakna mestinya guru-guru yang mengikut kursus di masa cuti ini akan dijadikan guru kekal. Saya mencadangkan supaya Menteri Pelajaran mengambil guru-guru sementara yang mempunyai kelulusan S.P.M. hendaklah diambil terus untuk dimasukkan ke maktab perguruan dan dilatih mengikut guru-guru baharu yang diambil oleh Kementerian itu.

Yang kedua, pelajaran yang diadakan melalui TV di sekolah-sekolah sekarang ini boleh dikatakan banyak diberikan di mana-mana sahaja, di kampung-kampung ataupun di bandar-bandar. Satu perkara yang saya ingin sebutkan di sini ialah masaalah TV di sekolah-sekolah luar bandar. Baharu lagi dalam beberapa bulan TV ke sekolah-sekolah diadakan. Yang saya hendak sebutkan di sini ialah setahu saya guru-guru di sana masih belum dilatih agar penggunaan TV itu dapat disesuaikan dengan murid-murid di luar bandar. Kerana sekarang ini ada setengah-setengah sekolah di luar bandar bila buka TV untuk satu kelas, kelas yang lain semua pergi hendak tengok juga, tidak jadi belajar yang lain pula. Kalau kelas IV buka TV, Kelas VI, Kelas I, Kelas V, Kelas apa pun semuanya pergi ke tempat TV itu kerana maklumlah mereka belum dapat melihat TV sebelum ini melainkan sekarang baharu ada TV. Itupun menggunakan engine letrik di sekolah. Walaupun perkara ini kecil, tetapi saya rasa besar juga kerana di tempat saya ada beberapa buah sekolah di luar bandar di mana guru-gurunya merayu kepada saya bagaimana cara yang perlu mereka buat. Sebab hendak tahan murid-murid daripada menengok TV itu memang susah juga.

Saya minta Yang Berhormat Menteri Pelajaran mengambil perhatian atas hal ini supaya mengadakan satu cara agar guru-guru itu dapat mengontrol murid-murid lain daripada mengikuti Kelas TV yang lain di kelas yang lain. Ini satu perkara.

Yang ketiganya, berkaitan dengan rumah guru-guru di luar bandar. Kebanyakan rumah guru-guru di luar bandar tidak diduduki oleh guru-guru kerana setengah daripada guru-guru mengatakan bahawa rumah itu tidak sesuai dengan mereka. Sekarang mereka sudah bergaji tinggi. Rumah itu rumah masa gaji rendah dan mereka telah ada kereta. Walaupun ada jalan 20 batu, tetapi mereka mahu pergi berulang-alik dengan kereta sebab mereka boleh duduk di bandar dengan keadaan selisa. Saya rasa perkara ini harus diambil perhatian supaya rumah-rumah guru itu digunakan dan tidaklah membazir. Kalau demikian keadaannya, maka rumah-rumah guru yang ada di luar bandar ini boleh jadi satu masa akan menjadi buruk, sebab tidak ada penghuni.

Tuan Pengerusi, ingin saya sebutkan juga mengenai guru-guru di luar bandar yang perlu duduk di tempat yang mereka mengajar kerana kita maksudkan supaya guru-guru ini dapat memimpin masyarakat di luar bandar dengan mengadakan perubahan-perubahan dan pembangunan dan sebagainya dengan guru-guru itu mengambil inisiatif sendiri bersama dengan ketua kampung ataupun Jawatankuasa Kemajuan Kampung, kerana kita mahu guru-guru kita biarlah menjadi pasukan untuk mengubah nasib rakyat di luar bandar.

Tuan Pengerusi, perkara yang kelima yang ingin saya sebutkan ialah berkaitan dengan masaalah guru-guru perempuan yang baharu keluar daripada maktab. Setahu saya guru-guru ini tidak dibenarkan kahwin. Kalau kahwin—boleh—tetapi tidak diberi pencen. Saya rasa polisi ini tidak begitu sesuai. Sebaliknya biarlah guru-guru samada lelaki ataupun perempuan yang keluar daripada maktab perguruan dibebaskan mereka berkahwin kerana ini tidak baik kita menahan orang daripada berkahwin.

Perkara yang keenam, berkaitan dengan masaalah gaji guru-guru. Sekarang ini guru-guru besar telah dinaikkan grednya mengikut cara-cara yang telah ditetapkan oleh Menteri Pelajaran dahulu dengan gaji-gaji yang tertentu dan kenaikan gaji guru besar dengan Sekim A, B, C ini menimbulkan pertelagahan antara guru-guru pula. Dengan sebab kata guru-guru yang lain guru besar yang sekarang ini mendapat gaji \$1,100; \$1,000; \$800 dan \$700 mengikut gred masing-masing dan sepatutnya guru-guru yang lain pun dapat gaji yang sama juga dengan sebab setengah guru-guru bawah ataupun guru penolongnya lebih senior daripada guru besar kerana kebetulan guru besar yang ada sekarang ini dilantik menjadi guru besar sedangkan dia baharu bekerja 5 tahun, padahal guru yang di bawahnya sudah bekerja 10 tahun. Gajinya terlampau jauh beza, menimbulkan perbalahan antara guru-guru dan banyak rayuan-rayuan ini datang kepada saya dan saya rasa perlu saya kemukakan di sini untuk perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya masaalah gaji ini biarlah diselesaikan di kalangan guru-guru ini. Terlampau lama sudah kita mendengar cerita gaji-gaji guru ini dan saya rasa tolong selesaikan masaalah gaji guru di semua peringkat supaya janganlah yang

tidak mendesak dinaikkan, yang mendesak tidak dinaikkan. Ini menjadi masalah kelam-kabut juga.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan pelajaran yang kita ajar di sekolah-sekolah menengah sekarang ini lebih banyak hanya untuk menjadikan murid-murid itu dalam kerja-kerja yang tertentu dalam pejabat-pejabat sahaja, tidak dalam bidang pertanian ataupun pertukangan. Saya tahu bahawa ada sekolah-sekolah yang dijadikan sekolah vokesyenal di mana ini diperuntukkan wang dengan banyaknya tetapi saya rasa biarlah kita adakan pelajaran supaya penuntut-penuntut yang lulus S.P.M., yang lulus L.C.E. yang berhenti daripada sekolah dapat mencari makan melalui cara lain, jangan hendak menjadi kerani sahaja, hendak jadi guru sahaja, biarlah dia ada kepandaian cara pertanian dan sebagainya. Biarlah semua sekolah-sekolah ini diajarkan cara pertanian dan sebagainya supaya dapat anak-anak itu apakala keluar sekolah menjalankan kehidupan mengikut aliran masing-masing.

Perkara yang akhirnya ialah berkenaan dengan asrama di sekolah-sekolah. Banyak sekolah-sekolah di luar bandar tidak ada asrama. Saya harap sekolah-sekolah di luar bandar ini biarlah ada asrama. Satu contohnya di tempat saya di Marang. Saya Ahli Parlimen dari Dungun, tetapi mengandungi dua daerah. Satu Daerah Dungun dan satu lagi Daerah Marang. Sebuah sekolah menengah di Daerah Marang asramanya tidak ada. Ada manusia-manusia yang terpaksa menolong dengan mengadakan sewa rumah dan sebagainya untuk anak-anak kita belajar di situ dan yang paling teruk sekali di sekolah ini semua anak-anak Daerah Marang itu belajar di situ dan antara tempat sekolah dan kawasan yang sebelah hulunya lebih kurang dalam 25 batu. Jalanraya tidak boleh dilalui oleh bas—tidak ada bas. Kadang-kadang mereka terpaksa menaiki van, kadang-kadang terpaksa berjalan kaki. Kalau menaiki van kadang-kadang ditangkap oleh polis. Saya minta Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengambil perhatian supaya sekolah menengah di Marang hendaklah dilengkapi dengan asrama bagi kepentingan anak-anak di sana. Itulah sahaja, Tuan Pengerusi, terima kasih.

4.00 ptg.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir (Ulu Nerus): Tuan Pengerusi, dalam turut sama

membahas peruntukan Kementerian Pelajaran yang telah diminta oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran pada hari kelmarin berjumlah \$1,287,412,794 ini saya suka mengambil bahagian dan menyebut beberapa perkara dalam peruntukan-peruntukan yang telah ditentukan.

Yang pertama, Tuan Pengerusi, saya suka mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Menteri yang berkenaan dan saya rasa bangga sikap ketegasan Menteri Pelajaran kita di atas ucapan beliau sewaktu mengemukakan peruntukan Kementeriannya. Misalnya, ketegasan dalam masalah tuntutan kenaikan gaji guru. Apa yang ditegaskan dan apa yang telah dirayu oleh Menteri berkenaan kelmarin saya rasa amatlah menasabah dalam masa negara kita sedang menghadapi inflasi dan kemerosotan ini.

Tuan Pengerusi, mengikut hemat saya pada masa-masa yang lepas telah banyak Menteri ataupun Kerajaan kita melayani tuntutan-tuntutan kenaikan gaji dari guru-guru ini. Kalau kita pergi ke kampung-kampung misalnya, maka kita akan dapati guru-guru di kampung adalah sebagai simbol orang yang senang di kampung. Tidaklah sebagaimana di bandar ataupun di pusat-pusat perkilangan misalnya. Kalau Kerajaan tidak mengkaji dan tidak memperimbangkan akan tuntutan mereka itu sesuai dengan kelulusan ataupun kebolehan mereka itu, maka makin banyaklah jurang perbezaan yang kita akan dapati di kampung-kampung, khususnya di dalam kawasan saya. Rakyat di dalam kawasan saya yang bekerja kebanyakannya kaum nelayan dan menoreh getah. Jadi, kalau kita melawat ke dalam kawasan lebih-lebih lagi musim sekarang ini, musim tengkujuh di Pantai Timur, maka amatlah sayu hati apabila kita melihat kebanyakan rakyat di dalam kawasan itu apabila kita melibatkan kalangan guru misalnya, yang menjadi simbol orang yang mewah di dalam kampung. Oleh sebab orang yang bekerja nelayan itu setengah-tengah daripadanya adalah berkelulusan yang lebih kurang sama dengan orang yang menjadi guru pada masa sama-sama berhenti sekolah dahulu. Misalnya, seorang ini kurang bernasib baik sedikit tidak terpilih menjadi guru sewaktu dalam Darjah V atau Darjah VI pada masa dulu. Orang ini bekerja sebagai nelayan dan menoreh getah. Tetapi seorang

lagi bernasib baik sedikit terpilih menjadi guru. Sekarang ini dapat menerima gaji \$700-800 sebulan.

Tuan Pengerusi, dalam masaalah ini saya mengucapkan syabas kepada Menteri yang berkenaan di atas rayuan kepada guru-guru ataupun Persatuan Guru-guru ini yang menuntut naik lebih tinggi lagi gaji mereka, dan tuntutan-tuntutan yang berikut bukan sahaja gaji misalnya, hendak pergi kursus minta bas air-conditioned, mereka ini kadang-kadang minta lebih keistimewaan. Saya merayu kepada Menteri yang berkenaan supaya berhati-hati dalam melayani tuntutan-tuntutan yang boleh dianggap melebihi daripada had. Sedangkan kedudukan sekarang ini sedang sibuk dibahaskan tentang masaalah hendak naikkan elaun Wakil Rakyat misalnya, dari \$1,000 kepada \$1,500 tetapi kalau hendak dibandingkan kepada tanggungjawab seorang Wakil Rakyat, misalnya, dalam kawasan saya ada 23,000 lebih pengundi dengan tanggungjawab guru-guru yang mengajar 45 orang murid dalam satu kelas, maka ini adalah satu perbezaan yang amat jauh.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, saya suka menyebutkan sedikit dalam masaalah B. 23, Pecahan-kepala 1100-(4) Pengurusan Peperiksaan. Saya hendak menyebut sedikit di dalam masaalah yang dihebohkan baharu-baharu ini iaitu masaalah pembocoran kertas peperiksaan. Dalam hal ini juga saya mengucapkan syabas kepada Menteri yang berkenaan. Saya suka menambah sedikit dalam penyiasatan dan dalam pengkajian untuk mencari siapakah orang yang membocor atau yang bertanggungjawab membuat kerja-kerja yang seperti ini. Saya bimbang pembocoran ini bukan semata-mata kerana hendak mencari duit, menjual kertas peperiksaan, bukan semata-mata hendak menolong keluarga untuk lulus di dalam peperiksaan itu, tetapi saya bimbang dan takut ada satu tujuan muslihat politik di dalam kerja mengkhianat bagi memusnahkan tujuan Kerajaan. Ada mengandungi unsur politik supaya dalam Dasar Pelajaran Kerajaan sekarang ini tidak lagi dipercayai ataupun untuk membolehkan satu-satu golongan di dalam negeri kita ini menuduh Kerajaan tidak bertanggungjawab dan sebagainya. Lebih-lebih lagi kalau kita kaji, misalnya, dalam keputusan peperiksaan pada tahun-tahun yang lepas. Saya bimbang dan takut ada kait-mengait dengan kebocoran kertas

peperiksaan pada tahun ini dengan keputusan peperiksaan yang didapati pada tahun-tahun lepas.

Selain daripada itu, saya suka menyebutkan sedikit dalam masaalah sekolah-sekolah rendah dan menengah iaitu B. 23 Pecahan-kepala 4100—Kelengkapan dan alat-alat sains di sekolah-sekolah menengah di luar bandar. Mengikut apa yang diberitahu kepada saya, alat-alat ini amatlah berkurangan kalau hendak dibandingkan dengan sekolah-sekolah yang di bandar. Mungkin pihak Kerajaan akan menjawab apabila rakyat mengemukakan masaalah ini bahawa sekolah menengah di luar-luar bandar itu bilangan penuntutnya tidak seimbang dengan sekolah-sekolah menengah di dalam bandar. Ada satu hal kita hendaklah bersimpati bahawa murid-murid di sekolah-sekolah menengah di luar bandar umpamanya juga mahu kepada kelulusan yang tinggi ataupun pengetahuan yang sama dengan penuntut-penuntut di bandar. Kalau sekiranya alat-alat kelengkapan ini tidak seimbang ataupun tidak sama ataupun tidak mencukupi bagi keperluan mereka itu untuk membolehkan mereka masuk sama atau menandingi sama dengan sekolah-sekolah di bandar, maka sudah tentulah mereka itu akan keciwa dalam menghadapi peperiksaan.

Saya suka menyentuh dalam perkara P. 23, Pecahan-kepala 5. Saya sukalah merayu kepada Menteri yang berkenaan ataupun kepada Kerajaan supaya menimbangkan sebuah Kolej Pertanian di Pantai Timur.

Tuan Pengerusi, pada hemat saya sekiranya pihak Kerajaan menimbangkan satu Kolej Pertanian di Pantai Timur, maka kesempatan yang lebih banyak bagi penduduk-penduduk di Pantai Timur dapat memasuki Kolej Pertanian, dan dapat merapatkan ataupun bagi memberi peransang, memberi semangat kepada penduduk-penduduk di sebelah sana yang hingga sekarang ini tidak mempunyai satu pun sekolah tinggi di Pantai Timur. Lebih-lebih lagi tidak ada sebuah pun Universiti di sana. Tuan Pengerusi, saya hendak menyebut universiti itu amatlah tinggi dan jauh dan tidak menasabah. Saya mintalah supaya pihak Kerajaan menimbangkan di masa akan datang ataupun tahun akan datang ini bagi mendirikan dan bagi mengadakan sebuah Kolej Pertanian di Pantai Timur, mahupun di Trengganu atau di tempat saya ataupun di sekitarnya itu.

Tuan Pengerusi, pada hemat saya bahawa penuntut-penuntut yang tamat di Kolej Pertanian ini tidaklah semestinya mereka ini bekerja makan gaji, umpamanya. Mereka itu dapat menggunakan pengetahuan pertanian ini bagi perusahaan sendiri, bagi mereka itu berusaha dalam segi pertanian di negara kita ini. Apabila ramai murid-murid yang mendapat kelulusan di dalam segi ini, maka lebih senanglah pihak Kerajaan sendiri untuk menganjurkan atau memberi semangat kepada rakyat tadi di dalam negeri ini bagi membuka atau memajukan seluas-luasnya perusahaan pertanian di dalam negeri kita ini. Sebagaimana yang telah kita sama-sama maklum bahawa tujuan Kerajaan sekarang ini hendak memajukan ataupun meluaskan pertanian di dalam negara kita ini.

Selain daripada itu, saya suka menyebut sedikit masaalah rumah guru walaupun saudara saya tadi telah menyebut masaalah ini. Saya suka menambah sedikit lagi bahawa saya dapati banyak rumah-rumah yang kosong ini tidak diduduki oleh guru-guru yang berkenaan di sekolah itu mungkin kerana sesuatu sebab. Boleh jadi sekolah itu terlampau jauh dan rumit untuk mereka itu membeli sayur dan sebagainya.

Tetapi satu hal saya nampak apabila guru-guru itu tidak menduduki rumah-rumah yang telah disediakan oleh Kerajaan, maka kekeciwaan kepada penuntut atau murid-murid di sekolah itu sendiri. Apabila guru itu duduk berjauhan, sepatutnya pukul 7.45 guru itu mesti sudah ada, tetapi saya nampak setengah-setengah daripada guru, bukan semua, yang sepatutnya dia duduk di rumah guru, dia berulang sampai 20 batu lebih, menyebabkan mereka itu datang lewat ke sekolah sampai pukul 9.00 baru sampai ke sekolah, maka

Tuan Pengerusi: Itu bila motokar dia pancit.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Mungkin juga, tetapi hari-hari pancit. Jadi kalau sekali-sekali mungkinlah pancit ataupun sakit perut, tetapi kalau tiga hari dalam seminggu saya rasa tidak mungkin tiga butir tayar itu pancit.

Saya merayulah kepada Yang Berhormat Menteri Yang berkenaan supaya mengarahkan pihak yang berkenaan mengkaji ataupun

kepada pelawat-pelawat atau guru-guru kumpulan itu di sekolah-sekolah seperti ini biarlah selalu atau kerap sedikit datang ke sekolah itu waktu pagi mudah-mudahan tidak berapa kali pergi, guru kumpulan itu akan dapat bertemu dengan guru yang datang lebih lewat ataupun lebih daripada masa yang sepatutnya mereka pergi.

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Sedikit lagi, setengah minit.

Tuan Pengerusi: Setengah minit boleh.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Tuan Pengerusi, saya hendak sebut khususnya ia itu masaalah asrama di Sekolah Menengah Kebangsaan Kampung Buluh. Saya merayulah kepada Menteri yang berkenaan supaya menimbang asrama di Sekolah Menengah Kebangsaan Kampung Buluh yang sehingga sekarang ini belum ada, sedangkan Sekolah Menengah Kampung Buluh ini kalau mengikut keputusan peperiksaan S.P.M. dalam tahun 1973 mendapat peratus yang tertinggi.

Sekarang ini kedudukan di Kampung Buluh tidak banyak rumah-rumah yang boleh disewa oleh penuntut-penuntut, tetapi kalau di tepi-tepi bandar itu mungkin banyak rumah-rumah yang boleh disewa oleh penuntut-penuntut. Di sini keadaannya berlainan dengan tempat-tempat lain. Jadi, saya merayulah kepada Menteri yang berkenaan supaya menimbang dan mengadakan dengan segera asrama di Sekolah Menengah Kampung Buluh.

4.15 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, saya hendak mengemukakan beberapa perkara, sungguhpun saya tidak sangka akan mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

Tuan Pengerusi: Kalau tidak sangka, berilah orang lain peluang.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Mr Chairman, Sir, I wish first to refer to lower and secondary education. We know that a Ministerial Committee has been set up to review the educational system. I do not know why but it

seems to be the habit of the Government of Malaysia, now as in the past, to form Education Committees comprising solely or even largely of Ministers as is the case in the present Ministerial Committee, the past Higher Education Committee and other Educational Committees. I say so, because I am not convinced that Ministers are the most qualified people to look into all aspects of education. It will give more room for more expertise and a more rounded examination of educational issues and problems in the country, if matters of educational review are entrusted, for instance, to a more representative body of educationalists, parents and teachers, who will be more in tune with the educational problems on the ground and the aspirations of the people, although, of course, it can be argued that the Ministers, having been put in office, should be "know all" and "be all" which I submit is not the case. Although we have been assured that the Ministerial Committee will have an open mind in the sense that anybody can make representations. I hope that the open-mindedness of the Ministerial Committee will not end there, because that does not mean being open-minded at all. It must mean not just receiving representations from all quarters but also being prepared to review and appraise the basic premises of the education system in this country in the light of changes of the country and in the light of the aspirations of the people.

There is no doubt that in the last decade and more of the education system in this country there have been many ills and problems which need urgently to be attended to. For instance, the problem of the deterioration of the quality of education, the problem of the automatic promotion system and the problem of school drop-outs in the rural areas in a more backward surrounding; the problem of "switches" into Science and Arts before the children are really fit or mature enough to choose—these and many other problems have been allowed to fester and to be perpetuated without sufficiently flexible treatment of the problems. As a matter of fact, I would not be wrong in saying that there is a situation whereby many parents feel that the educational system has become so rigid, so impersonal, so bogged down in bureaucracy, that they are beginning to be resigned to the whole thing; they cannot see that they can bring about any changes or

reforms. So, I hope the educational review that is now being undertaken would be able to bring, shall I say, a human face to the educational system. To show that up to now the educational system has been very rigid, very flexible, a good instance is the automatic promotion system, which is a very pernicious system and which, whatever may be the motivating reason for it, permits, allows every child nine years of education. But it has actually created a lot of social problems, and difficulties, because there is no room to assist or aid those who are backward and need special assistance. They were being pushed up Form after Form, although they were mentally unable to catch up. I know there is supposed to be a "corrective" system. After the Standard V Examination, there is supposed to be a "corrective" adjustment system to help those who are backward, but in practice it never works out. So, theory is one thing and practice is another. The very fact that this pernicious automatic promotion system has been allowed to go on for so many years without a quick review and urgent attention shows the feeling of resignation among large sections of the people that the whole educational system has become too impersonal. What is needed is the human angle, the human side, of it. I hope, therefore, that the Ministerial Committee would be able to diligently look into all these problems and really bring to bear open-mindedness.

In this connection, I believe that if the Education Review Committee is going to make any significant contribution, it must be able to stimulate and involve the participation of all sections of the people because of the multifarious problems involved. It will not do just for the Ministerial Committee to invite the various organisations to send in memoranda and then for them to mull over in an air-conditioned room as to which papers are the most academic and most interesting and somehow bring them together. I would, therefore, suggest to the Honourable Minister that this exercise should be accompanied by the fullest scale of public debate and participation, going down to the very grass-roots, involving the P.T.A. (Parents/Teachers Association), teachers, community groups; involving the Press, the Radio, the Television; involving all associations and organisations such as the Farmers' Associations, trade unions, etc., because, firstly, let us not delude ourselves

from the fact that in Malaysia, especially on problems of education, it takes some prodding to encourage the people to come out forthrightly to give their views on this matter because of the history of a sense that there are certain things which are better not to be brought forward. I would suggest, first of all, that the Ministerial Committee should allow, stimulate and encourage the fullest participation on this matter, so that we can really get to grips with many of the very deep-rooted educational ills of the country.

I wish here, with the few minutes still available, to take this opportunity to make a plea to the Minister and to the authorities concerned to give a fresh thinking to the problem of Chinese education in this country. There is a tendency, which I note in this House and outside, to regard anyone who stands up and talks about the problems and the grievances of Chinese education as basically a chauvinist, talking about the problems of one community. You must recognise the fact that Malaysia is a multi-racial society and, being a multi-racial society, it is inevitable and unavoidable that there are many problems which seem to affect one community more than another. But, nonetheless, they should not be regarded, especially by the Government, as basically communal or sectoral problems. If these problems are going to be satisfactorily resolved, they must be regarded basically as Malaysian problems. If attitudes are to prevail that those who bring forward problems of Chinese education are basically people who are fighting only for one community, then I think we are not going to make any headway in solving this problem, which is very important, for the basic purpose of education is to bring about greater national unity. As I have said just now, there are problems which at times seem to affect one community more than another—for instance, the problem of Malay poverty. If, therefore, it is justifiable to regard those who talk about Chinese education as basically communalists, then similarly those who talk about Malay poverty can also basically be put in the same mould as being the fighters of racial problem on even racialists for instance; they would be in the same position as the chauvinists. This problem of Malay poverty is not a Malay problem; it is a national problem. Similarly, the problem of Chinese education is not a Chinese problem, but a Malaysian problem. I, therefore, would appeal that this

problem should be seen in that light and that this matter can be resolved in that light.

In this connection, there has been considerable unhappiness and frustration with regard to the position of Chinese primary schools. The Minister of Education and his predecessor have said that there is no intention to convert the Chinese primary schools and, if that is the case, I would ask the Minister to take concrete measures to allay all those reservations and fears in the minds of the people. At present the Minister of Education under the 1962 Education Act, has the power at any time to convert Chinese primary schools into National primary schools when he deems fit. I would say that a simple repeal of this provision will be able to allay the fears of the people on this score, assuming, of course, that it is the intention, as announced, to allow the Chinese primary schools to remain in the mainstream of education. In this regard, if that is the case, then I think there should also be measures for the construction of more Chinese primary schools, as my colleague, the Honourable Member for Petaling, has brought out the problem of parents who want to send their children to primary schools but who find that there are no school places in Petaling Jaya.

I wish now to refer to the question of hostels. I am very happy to see that more hostels are going to be built for children from the rural areas. I would commend to the Minister that from the point of view of national unity, and from the point of view that poverty transcends areas and races, an effort should be made to ensure that in all these hostels the children from all the poor—Malays, Chinese and Indians—should be housed so as to prevent a situation whereby they are completely composed of only one racial group, because I think by allowing them to stay together it will help them, in future also, and the country to have a better understanding of each other's problems and aspirations.

Finally, Tuan Pengerusi, much has been said yesterday about the current demonstration of students. I shall not go into the question because it is *sub-judice*, but I would only say this in general. The question of student demonstration is not only peculiar to Malaysia but has happened in other surrounding areas and even in countries further afield. Basically, what is needed is a greater

effort on the part of the authorities to understand the basic motivating factors behind these student incidents. It will not hold water just to simply put the blame on the various political groups as being the cause.

Yesterday, for instance, the Deputy Minister in the Prime Minister's Department asked Opposition Members in particular not to preach to the Government on things that it knows. But the trouble is that, although it may know these things, it has ceased to care and become indifferent to these things. Similarly, here, this is the problem—it is the university students who are not yet encrusted with the various vested interests; they are capable of feeling and caring more intensely for the sufferings of the people. In this connection, therefore, I would appeal to the Minister of Education and the authorities not to act too ruthlessly and inconsiderately on this matter but to understand and to respond to the basic idealism that motivates their action.

4.33 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh (Balik Pulau): Tuan Pengerusi, dalam membahaskan Perbekalan B. 23, Pecahan-kepala 1100—Pelajaran Rendah dan Menengah, iaitu Peruntukan Kementerian Pelajaran. Saya suka menyatakan perasaan bangga saya di atas kemajuan dan perkembangan yang begitu pesat yang dicapai oleh bahasa kita iaitu bahasa Melayu. Kejayaan dan Kemajuan bahasa Melayu itu adalah disebabkan oleh inisiatif atau daya utama dan langkah-langkah konkrit yang diambil oleh Kerajaan terutama langkah berkerjasama dengan Kerajaan Indonesia bagi menyelaras dan menyamakan istilah-istilah dalam lapangan sains dan teknologi dan lain-lain lagi. Saya berharap kerjasama seperti ini dapat diteruskan dan digiatkan lagi pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi, dalam perkembangan bahasa kita yang begitu pesat itu, ada satu perkara yang sangat mendukacitakan saya. Pada pendapat saya selama ini pihak yang berkuasa tidak bersikap tegas dalam hal ini. Perkara yang saya maksudkan itu ialah penggunaan tulisan Jawi. Kalau kita tinjau dan kita perhatikan betul-betul tulisan Jawi itu hari demi hari beransur-ansur hilang. Kalau dahulu kita boleh dapati tulisan Jawi itu ada ditulis pada nama-nama jalan, pada

nama-nama sekolah, nama pejabat dan berbagai lagi, maka hari ini tulisan-tulisan itu sudah hilang. Sudah hilang dalam pandangan dan sudah hilang dalam banyak ingatan orang-orang kita. Sehingga hari ini ramai di antara guru-guru sendiri, guru-guru di Sekolah Kebangsaan, guru-guru yang terdiri dari orang-orang Melayu sendiri tidak dapat menulis dan tidak dapat membaca dalam tulisan Jawi. Kalau dahulu tulisan Jawi itu diberi penghormatan—tertulis pada wang kertas. Saya masih ingat lagi dahulu wang kertas kita tertulis: "Wang Kertas Ini Diperlakukan Dalam Negeri-negeri Tanah Melayu", tetapi hari ini perkataan dan tulisan itu sudah hilang dan ghaib entah ke mana. Tulisan Jawi itu diberi penghormatan, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat perhatikan balik Pemasyuran Kemerdekaan Tanah Melayu itu sendiri ditulis dalam tulisan Jawi.

Tuan Pengerusi, jika satu-satu langkah yang berkesan tidak kita ambil, saya percaya tulisan Jawi itu akan ghaib dan hilang langsung dan sekiranya tulisan Jawi itu hilang ini akan mengakibatkan satu malapetaka yang agak besar, boleh jadi ada di antara kita akan bertanya-tanya apakah malapetaka itu. Kita tahu orang-orang Melayu boleh dikatakan kesemuanya beragama Islam. Kitab-kitab dan buku-buku pengajaran dalam agama Islam itu semuanya dan kebanyakannya tertulis dalam tulisan Jawi. Sekiranya tulisan itu hilang langsung maka saya bimbang anak-anak kita, cucu-cucu kita di masa yang akan datang tidak akan dapat membaca Al-Quran, tidak akan mengenal huruf-huruf Jawi dan kalau boleh membaca Jawi pun menyebut huruf dan perkataannya itu tidak betul. Kita boleh mendengar dalam talivisyen dan dalam radio ada juruacarannya menyebutkan: Abdullah, Ali. Ini tidak mengikut makhrih ataupun cara menyebut tulisan Jawi yang sebenar yang dikehendaki oleh ajaran agama Islam kita. Kita tahu selama ini Qari-qari daripada negara kita selalu boleh dikatakan seringkali pada tiap-tiap kali memenangi pertandingan Al-Quran. Salah satu daripada sebabnya atau faktor besarnya ialah kita orang-orang Melayu menggunakan tulisan Jawi. Jadi kita dapat menyebut huruf-huruf atau ayat-ayat dalam Al-Quran itu mengikut yang dikehendaki dalam ilmu Tajwid, cara-cara hendak membawa ataupun ilmu membaca Al-Quran.

Tuan Pengerusi, dalam hubungan ini saya rasa sanjungan yang tinggi patutlah kita beri kepada akhbar *Utusan Melayu* kerana akhbar *Utusan Melayu* sahaja yang satu-satunya badan yang masih menggunakan, memelihara dan memperjuangkan tulisan Jawi itu. Barangkali tidak ramai di antara kita yang sedar bahawa bahasa Melayu kita mempunyai satu keistimewaan. Maksud saya, kita semua tahu dalam dunia ini semua bahasa hanya ditulis dalam satu tulisan sahaja, tetapi bahasa Melayu ini mempunyai satu keistimewaan, keistimewaan yang saya maksudkan itu ialah boleh ditulis dalam dua tulisan, iaitu tulisan Jawi dan tulisan Rumi. Tidak ada bahasa lain yang boleh ditulis dalam dua bahasa.

Tuan Pengerusi: Bahasa Jepun tiga: Katakana, Hirakana dan Kanji.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tetapi tulisannya serupa juga.

Tuan Pengerusi, pada tulisan Jawi itu adalah satu harta kebudayaan yang tidak ternilai harganya yang kita warisi dari datuk moyang kita. Kalaupun harta yang itu hilang maka salah satu cabang kebudayaan kita akan hilang dan boleh jadi satu masa nanti Kerajaan terpaksa menubuhkan satu fakulti ataupun satu badan yang tertentu di universiti kita untuk mempelajari bahasa Melayu ini. Ada kemungkinannya akan berlaku perkara ini.

Tuan Pengerusi, di dalam Dewan yang mulia ini saya menyeru pihak yang berkenaan terutama Kementerian Pelajaran, sungguhpun hari ini tulisan Jawi itu ada diajarkan dalam sekolah-sekolah, tetapi maksud saya berilah penghormatan dengan tulisan Jawi. Saya berharap supaya Kementerian Pelajaran mengambil satu tindakan atau mengarahkan semua sekolah-sekolah supaya tulisan Jawi itu ditulis di papan-papan nama sekolah, papan darjah dan di tempat-tempat lain yang difikirkan mustahak. Dan saya berharap juga pihak TV dalam ruangan ugamanya atau ruangan Cahayanya patutlah menggunakan tulisan Jawi apabila memperkenalkan nama para peserta, nama orang-orang yang bertanggungjawab mengeluarkan, mengelolakan rancangan itu.

Tuan Pengerusi, dalam membicarakan B. 23—Latihan Guru. Saya harap dan saya minta perhatian kepada Kementerian Pelajaran

tentang peruntukan guru-guru di sesebuah sekolah. Selama ini guru di sesebuah sekolah diberi dengan kadar 1.2 guru untuk sesebuah kelas. Jadi peruntukan ini tidak mencukupi. Saya beri contoh. Biasanya ini berlaku di sekolah-sekolah kebangsaan. Biasanya di sekolah kebangsaan kelasnya tidak lebih daripada 10 buah atau sekurang-kurangnya 7 buah kelas di sesebuah sekolah. Kalau kita dharapkan $1.2 \times 7 = 8.4$ dan mengikut peraturan Kementerian Pelajaran sekarang ini hanya dapat diberikan 8 orang guru yang diuntukkan bagi 7 buah kelas, termasuk guru besar. Guru besar itu terpaksa mengajar, termasuk guru agama dan guru uama itu hanya dapat mengajar satu mata pelajaran sahaja. Ada sebuah kelas yang tidak ada form teachernya. Inilah yang merumitkan pentadbiran guru besar di sekolah seperti itu dan itulah salah satu sebabnya berlaku keciciran, sebab tidak ada seorang guru yang bertanggungjawab secara langsung pada kelas yang berkenaan tadi. Saya berharap supaya perkara ini akan dapat perhatian daripada Menteri yang berkenaan supaya diberikan peruntukan guru yang lebih misal dengan kadar 1.4 untuk tiap darjah di sesebuah sekolah, supaya perkara keciciran dan juga pentadbiran yang tidak sempurna akan dapat kita bereskan.

Saya fikir itulah sahaja yang dapat saya percakapkan untuk masa ini.

4.43 ptg.

Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah (Silam): Tuan Pengerusi, saya juga turut menyokong belanjawan yang dipohon oleh Menteri Pelajaran kita. Saya suka hendak membawa pandangan-pandangan Kementerian yang berkenaan ini pada Kepala B. 23, Pecahan-kepala (Kod) 1100—Gaji dan Upah; Pecahan-kepala (Kod) 2100—Perjalanan dan Pengangkutan; Kepala P (Pembangunan) 24 Pecahan-kepala 11—Rancangan Sekolah-sekolah Rendah dan Pembinaan dan Pengambilan Tanah dan Kepala P (Pembangunan) 24 juga Pecahan-kepala 14—Rancangan Latihan Guru, Pembinaan dan Pengambilan Tanah serta Kelengkapan, kesemuanya ini saya bawa sekali gus.

Tuan Pengerusi, pertama kali saya suka mengucapkan tahniah kepada Menteri yang berkenaan "Selamat Menunaikan Farthu Haji".

Tuan Pengerusi, saya suka membawa pandangan kepada kerja-kerja pelajaran sekarang di Sabah. Apa yang saya dapat tahu ada di antara guru-guru di Sabah sana tidak dapat gaji sehingga 3 bulan. Saya tidak tahu di manakah kesilapan yang berlaku dan apa yang saya dengar Kerajaan tiap-tiap kali hendak mengurangkan kerja-kerja red tape dan ada juga didapati kenaikan gaji guru-guru di luar bandar ianya sengaja dilambatkan. Saya tidak tahu mengapa bayaran gaji guru-guru ini lambat dapat. Sepatutnya Kerajaan hendaklah memberi keutamaan kepada guru-guru ini. Kalau sekiranya sudah 3 bulan gaji tidak dapat, maka hasrat untuk menanam semangat mengajar kepada murid-murid akan tipis dan lama kelamaan akan hilang terus kerana guru-guru ini mengutamakan keadaan dirinya dan familinya. Saya harap Menteri Pelajaran yang dinamis akan dapat mencari ikhtiar mengapakah pembayaran gaji guru-guru ini selalu diabaikan.

Yang kedua, saya suka membawa kepada pembinaan sekolah-sekolah. Kita di masa ini adalah dalam zaman sains dan teknologi. Segala gerak-geri kita adalah dengan bertemakan sains dan teknologi. Dalam zaman pembangunan ini juga banyak kita dapati binaan sekolah-sekolah telah dibangunkan dengan begitu indah dan cantik—kalau disebut sahaja perbelanjaannya menakutkan telinga rakyat di luar bandar mendengarnya. Ada pula didapati binaan sekolah-sekolah yang sudah dibina tidak secukup mata memandang, bukan sahaja dari pandangan-pandangan penduduk di luar bandar bahkan pandangan dari kaca-mata orang bandar sekalipun. Jadi dalam pembinaan sekolah-sekolah ini harus kita menitik-beratkan suasana alam sekeliling supaya dapat menarik ibubapa atau murid-murid yang akan belajar di bangunan sekolah itu.

Ada juga pula terdapat bahawa bangunan sekolah itu siap 3/4 dan tidak disambung lagi pembinaannya, maka terbiarlah begitu sahaja. Jadi perbuatan yang semacam ini akan membosankan rakyat di sekeliling tempat itu ataupun orang-orang yang berdekatan dengan kawasan itu. Maka dengan cara yang begini Kerajaan akan dicabar tidak cekap mengendalikan wang negara. Kita tidak hendak dengar perkataan itu terdengar di telinga kita sendiri pada hal kejadian ini berlaku. Saya harap dalam

masaalah pembangunan ini hendaklah Menteri meninjau di manakah letaknya kesalahan ini dan diharap jangan meninjau sesuatu kemajuan itu melalui lapuran sahaja. Meninjau dari lapuran itu ada kalanya baik tetapi kebanyakannya membosankan kita mendengar. Kadang-kadang perkara yang tidak ada diada-adakan; bangunan yang tidak sempurna dan tidak sepatutnya diluluskan. Inipun boleh berlaku dan sudahpun berlaku.

Mengenai dengan rancangan latihan guru, ini patut dikembangkan lagi. Kerana dengan latihan yang sempurna, maka barulah dapat pelajaran yang diajarnya kepada anak-anak kita boleh diterima dengan sempurna. Apa yang saya sangsikan, apabila guru-guru ini telah dapat latihan dan dihantar pula untuk mengajar di sekolah-sekolah terutama sekali di luar bandar. Apa yang menyedihkan ialah apabila guru yang telah ditukarkan keluar bandar didapati rumah kediamannya tidak ada maka terpaksa guru itu balik semula ke tempat asalnya, maka siapakah yang rugi dalam perkara ini. Kalau mereka ini datang juga bererti akan mendatangkan kesusahan pada dirinya kerana tidak ada tempat tinggal. Kalau guru-guru ini tidak ada berminat mengajar di tempat itu kerana sesuatu sebab, maka kita tidak usah paksa dia mengajar; kalau diteruskan juga maka hati guru itu tidak tentu arah, yang menjadi mangsa ialah anak-anak kita. Kalau guru-guru ini tinggal berjauhan di Sabah, maka tentulah sukar bagi mereka untuk datang mengajar pada masa yang tepat kerana perhubungan di sana bukanlah seperti di sini. Saya harap Kementerian Pelajaran hendaklah menyediakan rumah-rumah guru di sekolah-sekolah yang dibina, terutama di Sabah, tidak kira di mana letaknya sekolah itu.

Tuan Pengerusi, mengenai perjalanan dan pengangkutan untuk Negeri Sabah, saya kira hendaklah ditambahkan dua kali ganda lagi. Kerana pengangkutan dan perjalanan di sana perhubungannya yang sangat rumit sekali, maka dengan itu banyak pegawai-pegawai pelajaran mengabaikan pentadbirannya bagi sekolah-sekolah di luar bandar atau yang berjauhan dari bandar. Seperti yang saya sebutkan tadi sehingga ada guru yang tidak dapat gaji selama 3 bulan, sekolah yang tidak sepatutnya diluluskan penggunaannya telah diluluskan, ada yang robak-rabik dan bermacam-macam lagi kejadian

berlaku dengan tidak dapat pengetahuan oleh Menteri. Ini semuanya berpunca dari Pejabat Pelajaran tidak mengambil indah langsung di atas perjalanan sesebuah sekolah di luar bandar, kerana apa yang saya dapati pegawai-pegawai dari Jabatan Pelajaran hanya membuat lawatan di bandar-bandar. Mereka mementingkan kesenangan diri daripada bekerja untuk faedah rakyat dan negara. Jadi dengan adanya tambahan yang saya syorkan ini, maka dapatlah pegawai-pegawai diarah oleh Menteri membuat lawatan tak kira di mana letaknya sekolah itu.

Pentadbiran sekolah di Sabah, adalah berlainan dari sebelah sini. Di Sabah, pembangunan sekolah dikelolakan oleh Jabatan Pelajaran tetapi apabila sampai ke peringkat residensi dikelolakan oleh Pejabat Daerah. Kita tahu Pejabat Daerah ada seribu satu macam problem dengan rakyat dan negara ditambah pula dengan problem Jabatan Pelajaran. Pegawai Pelajaran daerah residensi pun ada, tetapi tanggungjawab yang berat dalam masaalah pelajaran ini diletakkan kepada Pegawai Daerah, apa salahnya tanggungjawab pembangunan pelajaran ini diserahkan kepada Pegawai Pelajaran daerah residensi maka barulah kena pada tempat dan kerja itu.

Sekianlah sahaja dan saya harap pandangan-pandangan yang saya bawa ini akan mendapat perhatian Menteri yang berkenaan agar masa depan kerja-kerja yang tidak senonoh, yang tidak dapat kepengetahuan oleh Menteri akan dapat perhatiannya dengan lebih dekat lagi.

4.51

Tuan Tan Cheng Bee (Bukit Mertajam):

Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap berkenaan Kepala P. 23 di bawah Pecahan-kepala 1.

Tuan Pengerusi, banyak sekolah-sekolah rendah di Pulau Pinang, khasnya sekolah-sekolah rendah di Bukit Mertajam seperti Sekolah Rendah Kebangsaan Jalan Baharu dan Sekolah Khir Johari, Prai tidak ada padang-padang untuk physical training atau permainan murid-murid sekolah. Pengelola-pengelola Sekolah ini sudahpun membuat permohonan tiap-tiap tahun selama 3 tahun, tetapi sampai hari ini tidak ada apa-apa hasil pun.

Saya mohon menyambung ucapan saya dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, most of the primary schools in our country, especially the Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China, have not enough classrooms to meet the new enrolment next year. With the provision of \$20 million next year under sub-head I of Head B. 23, I hope that most of these primary schools would be given additional classrooms. I am sure, Sir, many new primary schools would be constructed in the course of next year and I request the Honourable Minister to see that provision is made for a padang when planning the new Sekolah-sekolah Rendah because physical training and games are quite important features of the primary schools these days.

Again, Sir, I would like to draw the attention of the Minister to the shortage of space in the primary schools for libraries. I hope the Honourable Minister would remedy this shortcoming.

Sir, I would like particularly to request the Honourable Minister not to overlook the request of the Board of Managers of Berapit and Jurut Sekolah Rendah for new buildings as even the Honourable Minister of New Villages and Housing in his reply during the general debate on the budget agreed that the schools in the new villages were built very casually and hastily as it was intended to be used as a temporary measure during the height of the emergency. This being so, Sir, one can understand the condition of these schools after twenty years and the Health Officer has even pressed the School Board to put up modern sanitary latrines for these schools.

Sir, talking on Head B. 23, sub-head 1100, I would like finally to touch on the problem of married teachers, especially the female teachers who are being posted far away from their working husbands and children. Sir, if we agree with the concept that people with better peace of mind work more efficiently, then I feel it is high time that the Minister of Education transferred all married women teachers back to where their families are. I believe, Sir, that this is only a natural and even reasonable request to make and I hope that the Honourable Minister will take immediate action to remedy this situation.

4.55 ptg.

Tuan Haji Shafie bin Abdullah (Baling): Tuan Pengerusi, dalam menyokong perbejalan kewangan kepada Kementerian Pelajaran bagi tahun 1975 ini, maka saya ingin menyatakan beberapa perkara untuk tindakan Yang Berhormat Menteri Pelajaran yang bijaksana itu.

Perlaksanaan tanggagaji yang dibuat baru-baru ini oleh pihak Kerajaan ada sedikit kurang memberi perhatian kepada Guru-guru Besar Sekolah Rendah Gred C. Dalam Lapuran Aziz, muka surat 68—Kenaikan Pangkat ke Tingkatan Khas, bab 7 dan 8 iaitu:

- (a) *Pegawai Perkhidmatan Pelajaran Kategori C. 2.* Seseorang pegawai dalam Kategori C. 2 yang telah melangkah sekatan kecakapan kedua adalah layak dipilih untuk dinaikkan pangkat ke jawatan yang kosong dalam Tingkatan Khas.
- (b) *Kenaikan Pangkat ke Jawatan Tingkatan Tertinggi* Seseorang pegawai dalam Kategori C. 2 yang telah berkhidmat dalam Tingkatan Khas adalah layak dipilih untuk dinaikkan pangkat ke jawatan yang kosong dalam Tingkatan Khas.
- (c) *Kenaikan Pangkat ke Tingkatan Khas dan Tertinggi* adalah daripada guru-guru Kategori C. 2 sahaja tetapi perlaksanaan yang telah diimplementasikan oleh pihak yang berkenaan adalah seperti berikut:

- (i) Menggredkan guru-guru mengikut gred sekolah. Ada di antara Guru-guru Besar Sekolah-sekolah Rendah Gred A telah dinaikkan ke Tingkatan Tertinggi mengikut gred sekolah tersebut dengan mendapat tanggagaji \$1,050; kenaikan sehingga sampai \$1,200. Ini adalah bertenangan dengan Lapuran Aziz Bab 7 dan 8, muka surat 68 di atas.
- (ii) Kekosongan itu diisikan oleh Guru-guru Besar yang kebetulan berada di sekolah-sekolah Gred A dengan tidak melalui syarat yang dikenakan kepadanya untuk membolehkan ia ke Tingkatan Tertinggi.

Contohnya, seseorang Guru Besar Rendah Gred A yang gaji hakikinya pada 1-1-1972 ialah \$520 telah dinaikkan seperti berikut:

Gaji pada 1-1-1972 ialah \$520.

1-4-1972 dinaikkan ke Tingkatan Biasa I \$730 dengan kenaikan \$30 sehingga sampai \$910.

1-7-1972 dinaikkan ke Tingkatan Khas \$910 dengan kenaikan \$30 sehingga sampai \$1,000.

1-10-1972 dinaikkan ke Tingkatan Tertinggi \$1,050 dengan kenaikan \$50 sehingga sampai \$1,200.

Begitu juga kedudukan yang didapati di sekolah-sekolah rendah Gred B.

Gaji pada 1-1-1972 \$520.

1-4-1972 dinaikkan ke Tingkatan Biasa I.

1-7-1972 dinaikkan ke Tingkatan Khas.

Malahan ada seperti berikut daripada Guru-guru Kategori B.

Gaji pada 1-1-1972 \$380.

1-4-1972 dinaikkan ke Tingkatan Biasa I.

1-7-1972 dinaikkan ke Tingkatan Khas \$930 dengan kenaikan \$30 menjadi \$1,000.

Guru-guru Penolong Kanan di Sekolah-sekolah Rendah Gred A

Perlantikan Guru-guru Penolong Kanan Sekolah-sekolah Rendah Gred A yang dilantik sendiri oleh Guru Besar hanya sebagai wakil semasa ketiadaannya. Mereka telah mendapatkan Tingkatan Khas tanpa mengikut syarat Bab 7 dan 8 dalam muka surat 68, Lapuran Aziz.

Guru-guru Besar Sekolah Menengah Rendah Gred C

Mengikut implementasi yang telah dibuat kepada Guru-guru Besar Sekolah-sekolah

Rendah Gred C dengan sebilangan besarnya sekarang ini yang dilantik sebelum 1-4-1972 adalah seperti berikut:

- (i) Guru-guru daripada Kategori C. 2 dilantik ke Tingkatan Biasa I. Guru-guru daripada Kategori D. 1 dilantik ke Tingkatan Biasa I dengan tanggagaji \$730; kenaikan \$30 sehingga sampai \$910.

Ada di antara guru-guru besar di sekolah-sekolah rendah Gred C yang mempunyai syarat-syarat yang dikehendaki dalam Kepala 7 dan 8 muka surat 68 dalam Lapuran Aziz tidak dinaikkan ke tingkatan khas dan tertinggi. Dalam menumpukan berkenaan dengan pentadbiran sekolah-sekolah rendah Gred A, B dan C tanggungjawab pentadbiran sekolah-sekolah rendah Gred A, B dan C boleh dikatakan sama sahaja, malahan sekolah-sekolah rendah Gred C terpaksa menghadapi perkara-perkara yang tidak akan dihadapi oleh sekolah-sekolah Gred A dan B.

- (1) Guru-guru Besar Sekolah Rendah Gred C terpaksa menghadapi kerja-kerja perkeranian di samping masa mengajar yang diuntukkan kepadanya. Guru-guru Besar di Sekolah Rendah Gred C terpaksa menghadapi murid-murid yang jauh mundurnya daripada murid-murid Sekolah Rendah Gred A dan B di luar bandar.
- (2) Guru-guru Besar Sekolah-sekolah Rendah Gred C terpaksa menjadi Pegawai Perhubungan di antara masyarakat luar bandar dengan masyarakat di bandar. Dengan perlaksanaan yang demikian oleh pihak Kementerian adalah membawa jurang perbezaan yang paling jauh di antara guru-guru besar Gred A, B, C kerana perlaksanaan tidak mengikut kekenanan, kelulusan akademik, kelayakan dan kemajuan.
- (3) Tidak berpegang kepada Lapuran Aziz. Boleh dikatakan menjatuhkan moral Guru-guru Besar Gred C jika dibandingkan dengan Guru-guru Penolong Kanan Sekolah-sekolah Gred A. Kenaikan pangkat hanya mengikut tuah, bukannya atas usaha guru-guru besar itu sendiri.

Maka dengan faktor-faktor yang tersebut di atas dalam perlaksanaan tangga-gaji dan kenaikan pangkat amatlah mendukacitakan.

Boleh dipercayai foundation ini tidaklah systematic dipraktikkan dengan normalnya, akibatnya akan menimbulkan kemangsaan kepada Guru-guru Besar Gred C yang telah bersusah-payah berusaha menambah ilmu pengetahuan, membuat kemajuan-kemajuan membaiki taraf sekolah-sekolah di luar bandar. Dalam tuntutan ini maka saya memohon rayuan supaya Guru-guru Besar di Sekolah-sekolah Rendah Gred C yang dilantik sebelum 1-4-72 dinaikkan ke tingkatan khas mulai daripada 1-4-72 sepertimana Guru-guru Penolong Kanan Sekolah Rendah Gred A dan Guru-guru Besar Sekolah Rendah Gred B, kerana Guru-guru Besar Gred C adalah dipilih daripada guru-guru yang telah menunjukkan pengalaman, kelulusan dan kemajuan yang tinggi pada masa mereka dilantik, kerana kebanyakan Guru-guru Besar Gred C telah ditempatkan di sekolah sehingga belasan tahun tanpa mendapat kenaikan pangkat. Saya percaya Yang Berhormat Menteri Pelajaran kita sedia menerima rayuan yang dikajikan ini.

5.03 ptg.

Tuan Sha'ari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, dalam membahaskan anggaran Kementerian Pelajaran, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran yang mana saya baca dalam Akhbar *Utusan Melayu* pada hari ini di muka depannya menyiarkan apa yang dikatakan oleh Menteri Pelajaran kelmarin. Nyata apa yang dinyatakan oleh Menteri Pelajaran yang berkenaan saya sama bersimpati dan saya berharap semua rakyat Malaysia yang taat setia kepada negara yang tahu selok-belok hal perbelanjaan negara simpati di atas kenyataan Menteri Pelajaran.

Tuan Pengerusi, saya tengok di dalam kebanyakan Kementerian-kementerian tidak ada satu angka yang lebih banyak daripada angka yang diuntukkan dalam Kementerian Pelajaran yang saya tidak payah sebutkan bilangannya. Ini bererti bahawa Kementerian-kementerian lain mempunyai 8 atau 9 angka tetapi Kementerian Pelajaran menggenapkan 10 angka. Ini menunjukkan bahawa Kementerian Pelajaranlah satu Kementerian yang paling banyak sekali peruntukannya.

Tuan Pengerusi, dalam Kepala B. 23, pertama saya bercakap tentang tujuan. Sebagaimana yang dikatakan oleh Menteri

kelmarin tujuan-tujuan mengadakan Kementerian Pelajaran untuk memperbaiki masyarakat, pelajar dan sebagainya, maka di sini saya sentuh tentang Pentadbiran Am. Sebagaimana yang saya katakan tadi, perbelanjaan dalam Kementerian ini amatlah banyak di segenap peringkat, baik dari segi pentadbiran, bangunan dan berbagai-bagai lagi. Tetap ada kedapatan yang kurang memuaskan hati.

Satu daripada contohnya sekolah. Banyak di antara sekolah-sekolah di dalam Malaysia yang didapati amat baik, tetapi ada di antara sekolah-sekolah yang disungutkan oleh ibubapa yang mana murid-murid tidak mendapat kelulusan yang baik oleh sebab kecuaiannya daripada guru-gurunya. Tetapi, saya menyatakan sekali lagi, ini bukanlah semua sekolah, cuma sedikit sangat sekolah-sekolah itu, tetapi kita tidak mahu sebagaimana kata Menteri kelmarin wang rakyat ini dicurahkan dengan tidak menasabah. Saya mengesyorkan sebagaimana dibuat oleh Menteri Pelajaran sendiri baru-baru beliau menjadi Menteri Pelajaran melawat dengan serentak, dan Menteri Pelajaran juga mengarahkan kepada pegawai-pegawainya melawat dengan serentak atau melawat dengan mengejut, dengan tidak diberitahu kepada pihak-pihak sekolah-sekolah yang berkenaan. Jadi dengan ini saya berpendapat dapat kita atasi apa yang disungutkan oleh pihak ibubapa tadi.

Yang kedua, saya berpendapat dengan perbelanjaan yang begini banyak patutlah diketahui oleh segenap masyarakat, apatah lagi ibubapa pelajar-pelajar sendiri. Dengan sebab itu, walaupun Kerajaan mengeluarkan wang, saya berpendapat patutlah kita tubuhkan satu Lembaga Kemajuan Sekolah yang dianggotai oleh penjaga-penjaga kanak-kanak sekolah yang berkenaan. Tetapi, saya tidak bersetuju macam kita kata Jawatankuasa Tadbir yang mana hal wang ringgit diambil tahu oleh Lembaga yang berkenaan, bahkan Lembaga yang berkenaan mengambil tahu hal murid-muridnya sendiri, kanak-kanaknya sendiri dan mengambil tahu juga kalau ada didapati di antara guru-guru yang tidak menjalankan tugasnya dengan baik.

Yang ketiga, pada hari Kamis yang lepas kita membaca dalam akhbar ada satu tempat mengadakan kursus, masa makan dihidangkan makanan katak. Ini telah dibekalkan oleh pihak asrama yang berkenaan.

Dalam sekolah-sekolah rendah Kerajaan mengadakan asrama. Kalau ada orang-orang tua (dewasa) kalau dia tahu itu katakana, dia berani masukkan dalam akhbar dan memulaukan majlis yang berkenaan, tetapi kalau budak-budak, mereka tentu tidak berani berbuat demikian. Dengan sebab itu, saya mengesyorkan kepada Menteri yang berkenaan kalau ada asrama-asrama pelajar-pelajar yang lebih daripada 90% yang beragama Islam patutlah pihak yang membekalkan makanan yang berkenaan terdiri daripada orang bumiputra, khususnya yang beragama Islam. Di sini saya bukanlah mengecilkan agama lain, kita ucapkan tahniah kepada semua bangsa yang makan cara kita, tetapi kita yang beragama Islam ini tidak boleh makan semua benda yang orang lain makan.

Tuan Pengerusi, saya juga mengesyorkan tentang bantuan kepada kanak-kanak miskin. Kita dapati ada Kementerian Pelajaran mengadakan bantuan-bantuan terutama kepada murid-murid sekolah yang akan memasuki sekolah-sekolah menengah dengan mengecualikan peperiksaan doktor kepada pelajar-pelajar yang susah, tetapi malangnya, kedapatan orang yang tidak begitu susah mengambil kesempatan peluang yang tersebut. Saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan mengambil berat di atas perkara ini dan kalau didapati ada pihak-pihak yang mengambil peluang menukar nama dengan menggantikan nama orang lain mengambil tempat sebagai penjaga patut didenda. Kita tahu ada di antara murid-murid yang susah yang tidak dapat peluang patut diberi bantuan. Pada hari ini Kerajaan memberi bantuan buku dan sebagainya dan ditambah lagi dengan bantuan tambang bas dan sebagainya untuk murid-murid yang terlampau susah itu berulang-alik, kerana kita dapat tahu murid-murid yang susah ini setengah-setengahnya hendak makan pun payah, apatah lagi dengan tambang bas dan sebagainya, sedangkan kemahuannya hendak bersekolah ada tetapi apakah daya hendak peluk gunung tangan tidak sampai.

Kita tahu ada di antara murid-murid ini otaknya baik, tetapi oleh sebab mereka tidak dapat peluang, maka dengan sebab itulah mereka ketinggalan. Saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan mengambil berat ataupun simpati di atas kanak-kanak yang susah yang didapati di seluruh tanahair kita terutama kaum bumi-putra.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh dalam Kepala B. 23 berkenaan Pengurusan Peperiksaan, sebagaimana yang dikatakan oleh saudara saya tentang pembocoran itu saya amatlah menyokong. Ada di antara murid-murid yang membaca bersungguh-sungguh dan nasibnya amat baik, maka keluar mata pelajaran yang dia baca. Tetapi malang tidak berbau, bila hari peperiksaan, sudah ada berlaku pembocoran. Orang yang tidak bersalah sama-sama bersalah seperti kata pepatah: disebabkan nila setitik, rosak susu sebelanga. Jadi saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan semoga perkara yang berkenaan tidak akan berlaku lagi.

Tuan Pengerusi, kita sudah merdeka lebih daripada 17 tahun. Mengapakah segala keputusan peperiksaan seperti Peperiksaan School Certificate kita hantar ke England dan sebagainya. Kadang-kadang penuntut yang patut masuk pada tahun ini disebabkan berlaku benda yang tidak diingini yang ia tidak dapat tahu akan keputusannya maka murid-murid yang berkenaan akan rugi setahun dan sebaliknya. Saya rasa sudah sampailah masanya Yang Berhormat Menteri kita yang bersemangat ini patutlah peperiksaan ini dijalankan di dalam negeri kita juga.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh tentang bantuan kebajikan murid-murid luar negeri. Tiap-tiap yang kita buat kebaikan, yang disuruh Tuhan dengan memberi rahmat kepada kita dan yang menjadikan kita, menyuruh kita taatkan kepada Tuhan, siapa yang engkar dia diberi balasan. Murid-murid kita di luar negeri di berikan bantuan, beri wang, tetapi malangnya sebagaimana yang dikatakan oleh saudara kita petang kelmarin, mereka kita anggapkan sebagai duta negeri kita bahkan bukan itu yang mereka kerjakan, sebaliknya ada di antara pelajar-pelajar yang memaki balik Kerajaan kita. Bunga yang kita beri, najis yang dilemparkan kepada kita. Saya berharap kalaulah didapati murid-murid yang berkenaan, yang betul-betul ada kenyataan bahawa mereka itu diberi bantuan, maka hendaklah ditarik balik bantuan yang berkenaan. Kita patut beri kepada orang yang baik kepada kita. Kita beri gaji kepada siapa yang bekerja, pelik sangat kita berikan faedah ataupun kita berikan pahala kepada orang yang membuat dosa kepada kita, yang bersalah dengan kerana alam.

Tuan Pengerusi, saya bercakap di atas satu perkara iaitu tentang sekolah pelajaran tinggi. Kita tahu untuk masuk ke sekolah rendah ada syaratnya, iaitu berumur enam tahun. Sekolah menengah dengan syarat sekolah menengahnya, begitulah juga dengan sekolah tinggi-Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia dan sebagainya. Saya berpendapat patut ditambah satu syarat iaitu ilmu fiqh kerana hari ini sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kelmarin bahawa kerana berlakunya bermacam-macam perkara bukanlah kerana penuntut-penuntut kita tidak baik. Kita tahu mereka ini tinggi dengan pelajaran, tetapi satu pelajaran yang mereka ini kurang ialah tentang ilmu sivik. Dengan sebab itu, sebagai satu syarat selain daripada syarat-syarat yang Kerajaan telah tetapkan pada hari ini, patutlah ilmu sivik ini diadakan, mesti diajar kepada murid-murid yang akan masuk ke sekolah yang berkenaan. Saya yakin kalaulah mereka tahu tanggungjawab mereka dengan sepenuhnya yang diadakan oleh ilmu sivik tadi, saya harap perkara yang tidak diingini tidak akan berlaku lagi kerana mereka juga tahu benda yang tidak baik itu tetap tidak baik.

Yang akhirnya, saya mengulang sekali lagi Kepala B. 23. Saya biasa bercakap dalam hal sekolah penempatan—budak-budak yang mesti belajar di tempatnya sendiri. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain biasa menyatakan di sini kekurangan alat-alat di dalam sekolah-sekolah, terutama sekali sekolah-sekolah luar bandar khasnya yang dipelajari oleh bumiputra. Kalaulah ada pelajar-pelajar yang sedang masuk belajar, saya tegaskan sekali lagi mestilah pelajar-pelajar ataupun murid-murid yang akan masuk sekolah itu belajar di tempat yang murid itu ada, walau dia anak Menteri, anak wakil rakyat, anak penghulu, anak siapa pun mesti belajar di tempat yang berkenaan. Sebab hari ini saya biasa mendengar sungutan di sekolah-sekolah kampung anak-anak orang besar tidak dihantar walaupun dia ada di kampung. Dia hantar anaknya ke sekolah yang ada di bandar. Maka sekolah di bandar dialatkan dengan berbagai-bagai alat kelengkapan, sekolah kampung tentulah kekurangan jadinya.

Saya berharap janganlah ada tuduhan kepada Kementerian kita yang begitu popular dan baik untuk memajukan pelajaran, apatah lagi dengan Menteri kita yang baharu,

walaupun beliau sebagai seorang Ahli Kabinet yang baharu masuk di dalam Kementerian yang baharu, diberi tugas yang baharu, tugas seorang Menteri yang paling banyak tanggungjawab. Kadang-kadang jadi pitam. Kita berdoa bersama-sama sebagaimana yang diucapkan oleh seorang Ahli Yang Berhormat tadi "Selamat menunaikan Fardhu Haji ke Mekah" dan saya berdoa beliau selamat pergi dan selamat balik dengan penuh iman supaya dapat menjalankan tugasnya dengan penuh tanggungjawab dan beriman.

5.15 ptg.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang begitu banyak, yang telah mengemukakan cadangan-cadangan, syor-syor dan pandangan membina mengenai masalah pelajaran di negara kita. Saya tidak bercadang hendak memberi jawapan kepada semua perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, saya akan cuba memberi jawapan terhadap perkara-perkara besar yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor telah menyentuh beberapa perkara termasuk mutu pelajaran, sikap dan kelakuan pelajar-pelajar di yayasan-yayasan tinggi, sekolah-sekolah private, kekurangan asrama dan penempatan yayasan-yayasan tinggi di negara kita.

Berhubung dengan sekolah-sekolah private, saya sedar bahawa kawalan yang benar-benar rapi tidak dapat diadakan. Walau bagaimanapun, sekolah-sekolah private adalah didaftarkan dan kebanyakannya khususnya sekolah-sekolah private akademik mengikut sistem pelajaran seperti yang terdapat di sekolah-sekolah bantuan penuh dan ada mengajar mata pelajaran sivik di sekolah-sekolah tersebut.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah mencadangkan supaya dibina asrama di Batang Berjuntai, saya ingin memaklumkan bahawa pembinaan asrama perlu dikaji dengan teliti dari semua segi termasuk kedudukan sekolah-sekolah yang berkenaan, projek-projek priority dan bilangan pelajar-pelajar yang benar-benar memerlukan asrama di satu-satu kawasan. Oleh itu jika semua

faktor terdapat di Batang Berjuntai pembinaan sebuah asrama akan dipertimbangkan. Begitulah juga dengan beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang lain yang telah membangkitkan perkara asrama ini di kawasan masing-masing. Pihak Kementerian akan menimbangkan mengikut syarat-syarat yang telah ditentukan dan jika boleh kita akan cuba mengadakan beberapa banyak asrama yang boleh kita adakan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor juga telah menyentuh tentang penempatan yayasan-yayasan pelajaran tinggi. Beliau telah memberi pendapat bahawa yayasan pelajaran tinggi seharusnya tidak dipusatkan di satu bandar sahaja. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Instituti Teknologi Kebangsaan akan dibina di Johor Bahru dan Universiti Kebangsaan akan di tempatkan di Bangi. Selain daripada itu pula kita mengadakan cawangan-cawangan kepada universiti-universiti yang diletakkan di Sabah, di Sarawak dan jika diizinkan di Pantai Timur juga. Instituti Teknologi MARA umpamanya mengadakan cawangan-cawangannya di Perlis, di Sabah, di Sarawak dan mungkin di tempat-tempat lain lagi. Ini menunjukkan bahawa memanglah menjadi amalan Kementerian Pelajaran untuk menempatkan universiti-universiti di tempat-tempat lain.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga mengemukakan beberapa perkara mengenai syarat-syarat perkhidmatan bagi pegawai-pegawai akademik di universiti-universiti. Penubuhan satu Grant Commission dan academic freedom untuk pegawai-pegawai akademik, pendapat pegawai-pegawai akademik terhadap Lapuran Harun, pendaftaran Persatuan Kakitangan Akademik yang ulung dan pengajian lepasan ijazah di Universiti Malaya.

Berhubung dengan syarat-syarat Perkhidmatan Pegawai-pegawai akademik di Universiti-universiti adalah menjadi hasrat Kementerian Pelajaran supaya syarat perkhidmatan bagi mereka hendaklah sama dan perkara ini adalah dalam perhatian Kementerian.

Berhubung dengan penubuhan University Grant Commission, saya berpendapat bahawa pada masa ini penubuhannya belum perlu lagi. Walau bagaimanapun, perkara ini akan dikaji apabila masanya tiba kelak.

Saya kurang faham tentang academic freedom yang patut diberikan kepada pegawai-pegawai akademik di universiti-universiti.

Setahu saya academic freedom tidak pernah diganggu dalam bidang akademik mereka masing-masing. Ini bermakna bahawa mereka bolehlah menuntut apa jurusan pelajaran yang kena kepada fakulti masing-masing.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu juga telah menyuarakan bahawa bagi menentukan gaji dan syarat-syarat Perkhidmatan Pegawai-pegawai Akademik di Universiti-universiti hendaklah diberi layanan yang berasingan dari kakitangan-kakitangan badan-badan berkanun yang lain seperti Lembaga Letrik Negara.

Saya bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun syarat-syarat Perkhidmatan bagi Pegawai-pegawai Akademik yang telah disyorkan oleh Suruhanjaya Harun perlu didasarkan kepada prinsip-prinsip yang tertentu, sama ada Lapuran Harun diterima atau tidak oleh pegawai-pegawai akademik adalah perkara asing. Seperti yang telah diumumkan Kerajaan telah menubuhkan satu suruhanjaya gaji baharu yang akan mengkaji syarat-syarat perkhidmatan dan gaji bagi semua kakitangan-kakitangan Kerajaan termasuklah Badan-badan Berkanun. Jika tanggungaji untuk pegawai-pegawai akademik yang telah disyorkan oleh Suruhanjaya Harun tidak memuaskan semua pihak, maka suruhanjaya baharu ini akan meneliti semula tanggungaji itu.

Berhubung dengan penubuhan Persatuan Pegawai-pegawai Akademik yang ulung, saya bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat dari Kepong, jika undang-undang tidak membenarkan pendaftaran persatuan itu disebabkan majikan yang berasingan, saya percaya tentulah ada cara-cara yang lain bagi membolehkan pegawai-pegawai akademik membincangkan perkara yang berkaitan dengan perkhidmatan dan gaji dengan pihak-pihak yang berkenaan.

Mengenai pengajian lepasan ijazah (post graduate school) Ahli Yang Berhormat telah mencadangkan supaya pengajian ini hanya ditumpukan di Universiti Malaya. Memandangkan kepada kemudahan-kemudahan yang terdapat di Universiti itu. Saya tidak berapa bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat, kerana di satu-satu universiti itu pengajian lepasan ijazah adalah menjadi satu daripada bahagian kursus yang diadakan untuk siswa-siswa yang ingin melanjutkan pelajarannya ke peringkat yang lebih tinggi.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga telah menyentuh tentang kekurangan guru-guru sains dan hisab di sekolah-sekolah. Berhubung dengan perkara ini, saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian Pelajaran sentiasa berikhtiar untuk mendapatkan bilangan guru-guru sains dan hisab bagi semua sekolah di negara kita ini. Berhubung dengan kemudahan-kemudahan untuk melalui juruteknik-juruteknik, Kementerian Pelajaran ada rancangan untuk meluaskan lagi kemudahan-kemudahan itu seperti yang telah saya nyatakan di dalam ucapan saya iaitu satu lagi politeknik akan dibina di Kuantan. Cadangan mengenai pengeluaran Kamus Bahasa Inggeris-Melayu dan Melayu-Inggeris oleh Dewan Bahasa dan Pustaka ini memang sedang diusahakan oleh Dewan tersebut.

Beberapa orang Ahli termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kepong, dari Setapak dan dari Tanjung Malim telah menyentuh mengenai Lembaga Peperiksaan dan kebocoran peperiksaan. Pada hari ini juga beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh tentang perkara ini. Keputusan untuk menyerahkan tugas menyiasat kes pembocoran peperiksaan ini kepada Biro Siasatan Negara adalah dibuat oleh pihak Polis sendiri. Pihak Kementerian cuma melaporkan perkara pembocoran ini kepada pihak Polis supaya mereka melakukan penyelidikan atas perkara ini. Kes ini adalah dalam proses penyiasatan di BSN, samada badan-badan penyiasatan asing harus dilibatkan dalam kes tersebut tidaklah dapat diberi komen oleh Kementerian Pelajaran.

Perlu dijelaskan di sini bahawa peperiksaan bahasa yang diadakan semula itu adalah peperiksaan bahasa yang mana kemahiran dalam kefahaman dan penggunaan bahasa yang menjadi ujian dan tidak subject matter ataupun bahan-bahan pengetahuan. Oleh itu, calon-calon yang mahir dalam Bahasa Malaysia akan dapat menjawab dengan memuaskan. Tidak kira samada bagi peperiksaan yang dahulu ataupun peperiksaan yang semula diadakan. Perlis juga ditegaskan disini bahawa keputusan Kementerian mengadakan semula peperiksaan tersebut adalah satu keputusan yang wajar yang mana telah mendapat sokongan besar daripada penuntut-penuntut dan orang ramai. Sistem pengelolaan dan pentadbiran peperiksaan yang digunakan bagi tahun 1974 adalah sama sepertimana yang telah digunakan bagi tahun-tahun sebelumnya dengan diperkukuhkan lagi aspek yang dianggap perlu

diperkukuhkan bagi peperiksaan-peperiksaan tahun ini. Oleh kerana penyiasatan yang berkenaan itu masih sedang berjalan, maka tidaklah dapat diketahui setakat ini di mana letaknya kelemahan yang telah mengakibatkan kebocoran ini. Bagaimanapun untuk menghadapi peperiksaan yang akan datang, sistem yang ujud pada masa ini, terutama sekali bidang keselamatan akan diuji balik dengan rapi dan menyeluruh.

Peperiksaan Darjah Tiga itu adalah mempunyai objektif tertentu. Ini ada berkaitan dengan beberapa Ahli Yang Berhormat yang yang telah menegor tentang kenaikan secara automatik dari satu darjah ke satu darjah. Peperiksaan Darjah Tiga adalah mempunyai objektive tertentu iaitu untuk mengetahui samada murid-murid diperingkat Darjah Tiga itu menguasai kemahiran-kemahiran asas dalam bidang bahasa-bahasa dan kira-kira dan langkah-langkah pemulihan yang wajar akan diambil terhadap mereka yang belum menguasai kemahiran-kemahiran tersebut. Oleh itu, tidaklah benar untuk menyatakan bahawa peperiksaan tersebut adalah tidak berguna. Soal pengkhususan pelajaran ini adalah dalam kajian Kementerian pada masa ini. Seperti-mana yang telah dinyatakan tadi, tindakan-tindakan yang tegas tindakan yang tegas sedang dan akan diambil untuk mengatasi sebarang kelemahan yang didapati ujud di dalam sistem peperiksaan sekarang.

Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru mengesyorkan supaya diadakan satu penyiasatan yang lebih tegas terhadap perjalanan akademik yang ada di negara kita ini. Saya kurang arif terhadap syor yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu, sekiranya yang dimaksudkan itu oleh beliau ialah perlaksanaan pengajaran di sekolah-sekolah dari peringkat sekolah rendah sehinggalah ke sekolah menengah, siasatan seperti ini memanglah sentiasa dijalankan. Kementerian Pelajaran menempatkan nazir-nazir sekolah di tiap-tiap negeri dan pengelola-pengelola sekolah di tiap-tiap daerah di seluruh negara untuk menyiasat dan memastikan bahawa pengajaran dan pelajaran mata-mata pelajaran adalah berkesan.

Di samping itu Pusat Perkembangan Pelajaran di Kementerian Pelajaran sentiasa mengkaji dan menyesuaikan kurikulum sekolah-sekolah untuk memastikan supaya mutu pelajaran bertambah baik dari semasa ke semasa dan lebih memberi erti kepada pelajar-pelajar. Mengenai dakwaan bahawa

ada setengah-setengah Pegawai Pelajaran dari Pejabat Pelajaran Negeri membuat 4-5 kali lawatan sebulan ke sebuah sekolah, saya menyedari ini mungkin membazirkan wang jika sebenarnya ia berlaku. Walau bagaimanapun, saya fikir adalah lebih baik jika sekiranya Ahli Yang Berhormat tersebut lebih khusus dengan dakwaannya dengan memberi maklumat tentang kejadian yang sebenar di mana Pegawai Pejabat Pelajaran membuat 4-5 kali lawatan sebulan ke sebuah sekolah supaya perkara ini boleh di siasat oleh Kementerian Pelajaran.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Bau-Lundu telah membangkitkan masalah bangunan sekolah menengah sementara yang telah dibina bagi menempatkan pelajar-pelajar yang bertambah ramai di kawasan beliau. Saya menyedari bahawa apabila peperiksaan bagi memasuki Sekolah Menengah dibatalkan di Sarawak pada tahun 1973 maka bilangan murid-murid yang melanjutkan pelajaran ke sekolah-sekolah menengah bertambah ramai dan menimbulkan masalah kekurangan tempat. Rancangan bagi membina sebuah bangunan yang tetap di kawasan Bau-Lundu memang ada, akan tetapi ini akan memakan masa sedikit.

Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas mengesyorkan supaya Kerajaan membina lebih banyak lagi yayasan seperti politeknik. Syor seperti ini telah beberapa kali dibangkitkan di Dewan ini dalam persidangan yang yang berlaku sekarang. Saya telah menjelaskan bahawa Kementerian Pelajaran ada rancangan untuk membina sebuah lagi Instituti Politeknik di Kuantan, pertimbangan bagi membina yayasan seperti Politeknik ini akan dibuat dari masa ke semasa. Ahli Yang Berhormat juga mengesyorkan supaya murid-murid dapat belajar di bawah satu bangunan, kerana beliau yakin selagi murid-murid ini diasing-asingkan selagi itu-lah tidak ada perpaduan di negara ini. Saya menyebutkan syabas kepada syor tersebut. Walau bagaimanapun, seperti yang telah saya jelaskan di Dewan ini bahawa cadangan tersebut adalah ideal di negara yang hanya terdiri dari satu keturunan bangsa sahaja. Akan tetapi, dalam negara Malaysia yang berbilang bangsa yang ideal tersebut tidak boleh dipraktikkan sepenuhnya. Oleh kerana itu, Kerajaan telah membenarkan supaya pelajaran di sekolah rendah mengikut aliran China dan Tamil diteruskan demi kepentingan negara.

Saya tegaskan kepentingan negara ini sekali lagi kerana Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka juga telah menyebutkan tentang perkara ini, dan kita mengekalkan sekolah aliran China dan Tamil ini demi kepentingan negara. Ahli Yang Berhormat selalu menegor Kementerian Pelajaran dan Kerajaan kerana menggunakan asas kepentingan negara untuk menjawab sesuatu. Tetapi dalam perkara ini tuntutannya diperkukuhkan dan dikekalkan kerana kepentingan negara. Walau bagaimanapun, apabila murid-murid ini memasuki Sekolah Menengah mereka akan belajar di bawah satu aliran bahasa dan bumbung yang sama.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Malim bertanya samada Kementerian Pelajaran mempunyai peruntukan bagi projek-projek emergency ataupun dharurat. Umpamanya, bagi memperbaiki atau membina semula bangunan-bangunan sekolah yang musnah disebabkan oleh bencana alam. Peruntukan seperti ini memang sentiasa ada di bawah peruntukan Kementerian Pelajaran dan malahan projek-projek seperti bangunan yang musnah oleh kerana bencana alam adalah diberi keutamaan. Mengenai bangunan sebuah sekolah di Ampang Baru, Ipoh yang telah terbakar, permohonan yang diterima oleh Kementerian Pelajaran ialah supaya dibina sebuah bangunan bagi sekolah tersebut. Amalan Kementerian Pelajaran ialah untuk membina bangunan sementara bagi sekolah-sekolah yang musnah oleh bencana alam supaya dapat kita mengadakan sekolah ganti itu dengan seberapa cepat yang boleh. Sekiranya permohonan yang dibuat kepada Kementerian ini ialah untuk membina bangunan sementara, maka permohonan ini sudah semestinya dipertimbangkan oleh Kementerian Pelajaran. Walau bagaimanapun, peruntukan pembinaan bangunan sementara bagi sekolah di Ampang Baru ini telah dibuat oleh Kementerian Kebajikan Am dan juga dengan bantuan pihak swasta, Kementerian Pelajaran akan menimbangkan pembinaan bangunan tetap bagi sekolah ini.

Ahli Yang Berhormat dari Setapak telah mengemukakan banyak syor-syor termasuk menimbangkan semula amalan menaikkan darjah secara otomatik, yang saya telah jawabkan tadi; menambahkan lagi masa bagi mata-pelajaran bahasa Inggeris, mengadakan pelajaran sex sejak dari Sekolah Rendah, menumpukan aktiviti sukan di waktu luar

sekolah, mengadakan vocational guidance di Sekolah-sekolah Rendah, menyusun semula cuti sekolah supaya tidak terdapat cuti yang terlalu panjang.

Ahli Yang Berhormat tersebut juga merasa tidak senang hati terhadap penuntut-penuntut Malaysia di luar negeri yang seringkali merosakkan imej negara Malaysia dan mencadangkan supaya mereka ini dilengkapi pengetahuan mengenai negara ini sebelum mereka melanjutkan pelajaran keluar negeri. Malahan di samping itu Ahli Yang Berhormat tersebut menggesa supaya Kementerian Pelajaran mengetatkan lagi disiplin yang dikenakan terhadap murid-murid, umpamanya, membenarkan guru-guru merotan murid-murid. Syor-syor dan komen-komen daripada Ahli Yang Berhormat tersebut memang sudah sentiasa di bawah perhatian Kementerian Pelajaran.

Saya suka menjelaskan bahawa Kementerian Pelajaran perlu mengkaji dengan mendalam dari semua aspek sebelum sesuatu perkara dapat dilaksanakan. Selanjutnya beliau menyentuh mengenai kekurangan kemudahan-kemudahan perpustakaan di sekolah-sekolah. Saya suka memaklumkan bahawa memang terdapat di beberapa buah sekolah di mana kemudahan perpustakaan khususnya ruang bagi menempatkan perpustakaan ini tidak ada. Akan tetapi, saya suka memaklumkan bahawa grants perpustakaan di semua sekolah ada diberikan pada tiap-tiap sekolah mulai daripada tahun 1974. Di dalam hal ini terpulanglah kepada kebijaksanaan Guru Besar bagi tiap-tiap sekolah untuk merancang bagaimana kemudahan-kemudahan perpustakaan ini dapat diadakan dan dapat memberikan perkhidmatan kepada murid-murid dengan lebih berkesan lagi.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupa telah menyebut tentang pengambilan-alih Sekolah Rendah Local Council oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Perkara ini sebenarnya di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri dan Kementerian ini tidaklah dapat memberi pendapat tentang perkara ini. Berkenaan dengan kekurangan guru-guru di Sarawak, Kementerian Pelajaran akan menimbangkan permohonan untuk melatih guru-guru di bawah Rancangan Latihan Kementerian Pelajaran. Dan sebenarnya peruntukan untuk latihan guru bagi Sarawak telahpun ditambah dan lebih banyak guru-guru akan dilatih untuk mengajar di Sarawak.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap telah membangkitkan soal Sekolah Menengah yang jauh dan meminta supaya diadakan asrama, perkara ini telahpun saya sebutkan tadi. Berkenaan dengan soal memperbaiki sekolah memanglah kadang-kadang terjadi kelewatan untuk memperbaiki sekolah-sekolah ini. Tetapi perkara ini ialah oleh kerana pihak Jabatan Kerja Raya ada banyak tanggungannya dan mereka mesti mengadakan senarai priority mereka dan oleh kerana itu maka terdapatlah keadaan yang mana usaha memperbaiki sekolah yang jahanam itu telah memakan masa yang lebih daripada yang dijangka. Berkenaan dengan sekolah rakyat mendapat peruntukan yang tidak cukup, perkara ini sedang dikaji oleh Kementerian Pelajaran dan juga Perbendaharaan serta Kerajaan-kerajaan Negeri. Begitu juga berkenaan dengan soal darjah tidak cukup. Ini adalah soal yang melibatkan perbelanjaan wang yang ada dan jika kita ada cukup peruntukan maka dapatlah kita mengadakan bilik darjah yang cukup bagi tempat ini. Sebenarnya, bagi sekolah yang tersebut 6 bilik darjah, tandas, kantin air dan lain-lain kemudahan-kemudahan ada di dalam peruntukan bagi tahun 1975.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah telah menyebutkan tentang mahasiswa daripada Universiti Nanyang dan di universiti-universiti daripada Taiwan. Katanya, pihak Kerajaan telah membuat janji mengiktirafkan ijazah-ijazah daripada universiti-universiti ini. Sebenarnya, pihak Kerajaan tidak berjanji mengiktirafkan ijazah-ijazah ini. Apa yang telah diperkatakan oleh Kerajaan ialah Kerajaan akan memberi nilai (value) kepada ijazah-ijazah ini. Ini tidak bermakna bahawa ijazah-ijazah ini akan diberi nilai yang sama dengan ijazah-ijazah daripada universiti-universiti di dalam negara kita ataupun universiti-universiti yang lain yang diiktirafkan. Memberi nilai bermakna kita menentukan taraf apa yang patut kita tetapkan tentang satu-satu kelulusan, dan oleh kerana kita telah membuat nilai ini, maka kita telah menempatkan mahasiswa-mahasiswa Nanyang ini ke dalam Kategori C3 yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Tentang soal kegunaan Bahasa Malaysia di antara guru-guru sekolah China, ini adalah satu daripada dasar pelajaran kita iaitu mengutamakan pengajaran di dalam Bahasa Kebangsaan ataupun Bahasa Malaysia. Di samping itu, tidak ada ketegahan tentang

pengajaran dalam bahasa China di dalam sekolah-sekolah yang telah saya sebutkan tadi. Tiada ada bukti yang mutu penggunaan bahasa China sebagai bahasa pengantar telahpun menjadi rendah seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Berkenaan dengan soal memansuhkan ataupun pembatalan peperiksaan bahasa LCE perkara ini telahpun saya jawab tadi.

Ahli Yang Berhormat dari Telok Kemang telah membangkitkan soal peluang pelajaran bagi murid-murid miskin, terutamanya daripada sekolah-sekolah Tamil yang ada di estet-estet. Soal Sekolah-sekolah Tamil ini adalah soal yang rumit oleh kerana kebanyakan daripada Sekolah-sekolah Tamil ini adalah sekolah-sekolah yang terlalu kecil dan sekolah-sekolah yang kecil samada Sekolah Tamil ataupun Sekolah Kebangsaan biasanya tidak ada cukup kemudahan-kemudahan untuk menyampaikan pelajaran dengan secara yang berkesan. Oleh kerana itu maka sudah tentulah pelajaran mereka yang pergi ke Sekolah-sekolah Tamil ini tidak akan dapat meningkat ke taraf yang lebih baik. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian telah cuba memberi seberapa banyak kemudahan yang boleh diberi kepada semua sekolah-sekolah kecil ini supaya mereka juga dapat meningkat tarafnya ke sekolah-sekolah yang lebih berjaya.

Berkenaan dengan sekolah-sekolah residential ini kita sekarang ada 10 buah sekolah residential dan kita memberi peluang kepada penuntut-penuntut miskin tinggal di dalam asrama-asrama ini. Kita akan mengadakan lebih banyak sekolah-sekolah berasrama ini dan pada masa yang akan datang mungkin kita dapat memberi peluang kepada lebih banyak kanak-kanak yang miskin daripada berbagai kaum tinggal dan belajar di dalam sekolah-sekolah residential ini.

Berkenaan dengan kemasukan penuntut-penuntut India ke universiti-universiti, beliau meminta supaya perkara ini tidak diberi hak semata-mata kepada Vice-Chancellors dan University Councillors menentukannya. Sebenarnya, pihak Kementerian mengambil perhatian kemasukan penuntut-penuntut di dalam semua universiti yang ada di dalam negara kita ini. Kita mengadakan Yunit Pusat Universiti-universiti yang menentukan siapa yang dapat masuk ke kelima-lima universiti yang ada di dalam negara kita ini. Kita

juga menentukan syarat-syarat supaya kemasukan penuntut-penuntut ke dalam universiti mencerminkan kedudukan penduduk-penduduk berbilang kaum di dalam negara kita dan adanya penuntut-penuntut yang terlatih di dalam beberapa jurusan di dalam universiti-universiti. Dalam soal ini kita menimbangankan bukan sahaja tentang kemasukan di dalam universiti di dalam negeri, tetapi kita mestilah ingat bahawa lebih daripada bilangan penuntut-penuntut yang ada di dalam universiti di dalam negeri terdapat di luar negeri. Dalam anggaran yang kasar lebih kurang 25,000 penuntut kita ada di luar negeri dan masalah ini mestilah ditimbangankan untuk menentukan sebab-sebab penuntut-penuntut dimasukkan di dalam beberapa fakulti yang ada di dalam universiti-universiti negara kita. Pertimbangan ini akan dibuat dengan secara yang adil dan saya berharap pihak Ahli Yang Berhormat akan menerima keterangan yang lebih lanjut kemudian hari.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun telah membangkitkan soal guru-guru sementara yang telah berkhidmat selama 10 tahun dan sebagainya. Saya telah memberi jawapan kepada satu soalan yang dibangkitkan pada hari ini juga tentang guru-guru sementara ini yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Telok Kemang, dan perkara ini saya harap akan dapat diberseskan apabila kita menentukan syarat-syarat kemasukan Guru-guru Sementara ini dalam kursus-kursus perguruan.

Berkenaan dengan T.V. di sekolah yang mana banyak daripada penuntut-penuntut daripada kelas-kelas lain turut hadir sama bila ada pertunjukan T.V., ini oleh kerana mungkin T.V. tidak terdapat di kampung di sekolah itu. Perkara ini saya percaya adalah perkara yang sementara. Saya percaya Ahli Yang Berhormat di waktu ianya mengadakan T.V.nya yang pertama, maka semua orang-orang di dalam kampung tentulah pergi ke rumah Ahli Yang Berhormat untuk melihat pertunjukan gambar di T.V.nya, tetapi lama-kelamaan mereka itu tidak pergi lagi ke rumahnya dan ianya dapatlah bebas sedikit, tidaklah payah memberi jamuan kepada tetamu-tetamu yang tidak dijemput itu. Begitu juga dengan T.V. di sekolah-sekolah ini, saya percaya tidak berapa lama lagi perkara ini tidak akan berlaku. Walau bagaimanapun, guru-guru akan diarah supaya cuma penuntut-penuntut yang mengikuti kursus sahaja dapat melihat T.V. di waktu yang ditetapkan.

Berkenaan dengan guru-guru perempuan dan pencen mereka, saya ingin menerangkan bahawa guru-guru perempuan yang telah mendapat jawatan tetap iaitu yang menjadi permanent adalah layak dimasukkan ke dalam jawatan berpencen. Tetapi kalau mereka itu belum dapat penempatan yang tetap, maka tidaklah dapat mereka masuk ke jawatan berpencen.

Ahli Yang Berhormat dari Padawan telah membangkitkan beberapa perkara yang saya akan cuba menjawab di sini iaitu berkenaan dengan quality of teachers, dan didapati bahawa di dalam perkara ini peruntukan untuk development telahpun dikurangkan. Sebenarnya, seperti Ahli Yang Berhormat itu termaklum peruntukan untuk development ini ialah untuk bangunan. Kalau kita tidak belanja dalam satu tahun iaitu tambahan berlebihan daripada tahun yang lepas, ini tidak bermakna bahawa latihan kepada guru-guru tidak dapat ditambah. Di dalam bangunan yang sama dengan cara merancangkan suatu program yang lebih tepat, kita akan dapat menambahkan bilangan guru-guru yang terlatih dan dengan cara itu perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai guru-guru yang terlatih mungkin akan menjadi kurang, kerana development estimates telah dikurangkan tidak akan berlaku.

Berkenaan dengan soal Bahasa Malaysia bagi penuntut-penuntut untuk masuk ke dalam universiti daripada Sarawak, saya ingin menjelaskan bahawa penuntut-penuntut yang ingin memasuki Institute Teknologi Kebangsaan dan Universiti Kebangsaan Malaysia sahaja yang dikehendaki mendapat credit di dalam Bahasa Malaysia. Bagi penuntut-penuntut yang ingin memasuki Universiti Malaya, credit ini tidak dikenakan tetapi satu kursus istimewa dalam Bahasa Malaysia akan diberi kepada penuntut-penuntut itu. Soal relaxing entry requirements, including language, it depends upon the decision of each individual university, but the universities do take cognisance of the special conditions prevailing in Sabah and Sarawak and on most occasions the language requirements as applicable to Peninsular Malaysians do not apply and are relaxed.

Berkenaan dengan school feeding programme telah juga dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Padawan. Saya ingin menerangkan bahawa kita tidak

mengadakan school feeding programme, tetapi programme ini dijalankan secara suka-rela oleh badan-badan kebajikan dan pihak Kementerian cuma memberi galakan sahaja kepada usaha ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah menegur education system kita yang dikatakan impersonal dan rigid, umpamanya, automatic promotion system yang telah membangkitkan bermacam-macam masalaah masyarakat ataupun social problem. Soal automatic promotion telahpun dibangkitkan berkali-kali oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam mesyuarat yang lepas. Kita sedar bahawa sistem ini ada kelemahan-kelemahan, tetapi sebenarnya sistem ini telah diamalkan selepas kita mengkaji sistem yang lama yang menggunakan peperiksaan tiap-tiap tahun yang mana peperiksaan ini dibuat oleh guru-guru di dalam darjah masing-masing secara subjective. Dan kadang-kala terdapat oleh kerana seseorang guru itu menggunakan standard yang terlalu tinggi, maka murid yang baik juga tidak dapat lulus tetapi ianya mungkin akan lulus kalau ianya diperiksa oleh guru-guru yang lain. Satu lagi masalaah yang akan timbul ialah kalau kita tidak menggunakan sistem otomatik promotion tiap-tiap tahun mungkin 20% daripada murid-murid di dalam sebuah kelas akan gagal dan mereka terpaksa tinggal di dalam kelas yang sama, tidak naik kepada darjah yang lain dan ini akan mengakibatkan satu traffic jam di dalam sistem pelajaran kita. Sebab itulah kita telah mengadakan sistem ujian dalam Tingkatan III dan Tingkatan V untuk menentukan samada penuntut-penuntut ini telah dapat menerima pelajaran yang diberi kepada mereka. Ujian dalam kepada Tingkatan III akan menunjukkan kelemahan-kelemahan mereka dan selepas kita mengetahui tentang kelemahan-kelemahan ini, maka dapatlah kita memberi asuhan yang lebih supaya kelemahan ini dapat di atasi. Walau bagaimanapun, perkara ini adalah satu perkara yang boleh dikaji oleh Jawatankuasa Menteri dan samada Jawatankuasa Menteri ini menjadi impersonal atau rigid tentang sistem pelajaran kita bergantunglah kepada Ahli Yang Berhormat dan pendapatnya. Kalau ianya menyampaikan kepada Jawatankuasa Menteri ini memorandum yang bernas dan penuh cadangan-cadangan yang membangun, maka saya percaya bahawa Jawatankuasa Menteri akan menerima cadangannya dan sistem

pelajaran kita ini akan menjadi lebih flexible seperti yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

(Dengan izin) On the question of Chinese education, I would agree with him that Chinese education is not a Chinese problem but a national problem. It is precisely because we think of Chinese education as a national problem that we have formulated our policies in order that Chinese education does not take the Chinese people away from the rest of the population. If we are to look at it as merely a matter that concerns the Chinese community and has nothing to do with the national problem, then of course the Chinese will have their own education system, the Tamils will have their own education system and the Malays will have their own education system. Then, of course, we will have a nation that speaks three different languages and we would never be able to speak to each other. In this House, we are lucky that we still remember the usage of English and also a lot of us can speak Malay and because we speak these two languages we are able to conduct a meeting that is meaningful. If we are placed in a position where the Chinese Members of this Parliament speak Chinese, the Malay Members speak Malay and the Tamil Members speak Tamil, then about the only time we can meet each other would be out in the lobby where we would stare at each other and not understand each other at all. It is because we do not want to see these things happen that we look upon Chinese education as a national problem and it is our intention to see that emphasis given to all the different educational streams does not in any way interfere with our intention to bring the people of various races together and to use education as a means of creating unity in our country. I hope with this explanation the Member for Kota Melaka will not once again raise this question of Chinese education as if it is merely a concern for the Chinese. It is the concern of everyone of us who is present in this House.

With reference to student demonstration, which he says is not peculiar to Malaysia, I would agree entirely with him. It is very common in many other countries and we are in fact studying the ways and means that other countries use to prevent such demonstrations. We are particularly interested in the manner in which Singapore succeeds so

well in this particular field. We understand that in Singapore demonstrations of any type do not occur and we are curious to know how this is done and it will be one of my unpleasant jobs to study how Singapore does these things and probably to apply it here. Perhaps if we extend the methods we might even have less problems during election time.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus telah membangkitkan soal gaji guru. Saya ingin menyebutkan gaji guru ini dengan agak panjang lebar sedikit oleh kerana banyak Ahli-ahli lain telah membangkitkan soal gaji guru. Gaji guru ini adalah satu masalaah yang mesti dihadapi bukan sahaja oleh Kementerian Pelajaran, tetapi negara keseluruhannya. Di dalam negara kita ini ada 85,000 orang guru-guru yang terbahagi kepada 20 buah persatuan-persatuan. Masalahnya ialah guru-guru sendiri tidak dapat mencapai persetujuan oleh kerana itu mereka sendiri terpaksa mengadakan bilangan persatuan yang begitu banyak. Kementerian Pelajaran semata-mata menjadi orang tengah dan cuba menyelesaikan soal gaji guru ini di antara mereka sendiri. Kita ingin melayan sebarang tuntutan yang adil dan dengan secara yang waras mengikut prinsip-prinsip perkhidmatan yang ada di dalam negara kita. Tetapi malangnya apabila kita memegang kepada satu prinsip ada pula orang-orang yang lain, mengatakan kita tidak patut berpegang kepada prinsip ini tetapi berpegang kepada prinsip yang lain.

Suruhanjaya Gaji Aziz telah menegaskan bahawa kita patut memegang kepada prinsip kelulusan guru itu dan kita telah cuba tetapi apabila kita memegang kepada kelulusan ataupun kelayakan guru itu maka timbullah teguran bahawa kita tidak patut memegang kepada itu sahaja. Umpamanya, berkenaan dengan guru-guru besar sekolah rendah. Kata mereka bukan salah mereka yang mereka tidak mendapat kelulusan di dalam maktab, kerana sebenarnya pada masa dahulu tidak ada maktab-maktab ini; kalau ada sudah tentu mereka akan dapat kelulusan ini. Sebaliknya, mereka ini telah berkhidmat selama 20 tahun di sekolah-sekolah sebagai guru besar dan telah melihat sekolah ini daripada sekolah jenis gred C naik kepada sekolah gred A. 20 tahun berkhidmat sebagai guru besar sungguhpun mereka tidak ada kelulusan, tetapi mereka telah berjaya mengawal

sekolah-sekolah ini. Jadi patutlah dipertimbangkan pengalaman (experience) mereka, kebolehan mereka mentadbirkan sekolah itu walaupun mereka cuma di dalam Kategori B.1, B.2, iaitu cuma kelulusan LCE dan sebagainya. Oleh kerana tekanan-tekanan inilah dan bukan dengan kerana kehendak Kementerian sendiri. Oleh kerana tekanan-tekanan daripada guru-guru besar, maka kita telah menimbang dan berpendapat bahawa memanglah wajar kalau mereka diberi kenaikan gaji kerana mereka sebenarnya berjaya di dalam usaha mereka. Tetapi setelah kita memberi kenaikan gaji ini, maka timbulah sungutan daripada guru-guru yang lain yang telah terlepas daripada nikmat ini.

Umpamanya, katalah seorang guru besar itu oleh kerana terlalu cekap telah diubah kepada tugas guru di dalam satu bidang pelajaran umpamanya guru hisab, dipindahkan daripada guru besar untuk mengajar hisab sebagai guru biasa di dalam sekolah yang lebih tinggi, dan digantikan dengan guru yang lain. Apabila berjalan sahaja tanggagaji baru ini, maka dapatlah gaji yang tinggi itu kepada guru yang menggantikannya, sebaliknya guru yang lepas kerana terlampau cekap itu diletakkan di tempat lain tidak dapat tanggagaji guru besar, maka tentulah timbul perasaan tidak puas hati di kalangan orang yang telah ditukarkan kerana kebolehan mereka. Begitu juga ada guru-guru yang ada lebih kelayakan, tetapi tidak akan dapat menjawab jawatan guru besar itu, kerana telah dipenuhi oleh orang lain. Maka mereka juga membangkitkan soalan dan kita terpaksa menimbang tuntutan mereka.

Berkenaan dengan guru Grade C yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Baling, saya ingin mengingatkan bahawa di waktu kita mengekalkan guru-guru itu sebagai guru besar, kita telah bersetuju dengan guru-guru besar itu bahawa soal kelulusan akan diketepikan, kita akan berpegang kepada soal tanggungjawab, memegang kepada prinsip tanggungjawab sebagai guru besar, maka kita tidak memperdulikan kelulusan mereka. Jadi adalah setengahnya menjadi guru besar walaupun dimasukkan di dalam kategori yang rendah, tetapi jadi guru besar di sekolah Grade C dapat gaji \$730 sebulan, guru yang sama kelulusan dapat jadi guru besar dalam sekolah Grade B dapat gaji yang lebih tinggi. Mereka itu telah berkata pula, kita sama kelulusan, tetapi dia dapat sekolah yang lebih besar, saya dapat sekolah yang lebih kecil,

jadi saya dapat gaji yang kurang. Di waktu mula kita berkata bahawa tak usahlah fikir tentang soal kelulusan, pegang kepada tanggungjawab dan sudah tentulah tanggungjawab guru di Sekolah C adalah kurang daripada di Sekolah B, tetapi sekarang ini guru Sekolah C pula mengatakan kita patut pegang kepada kelulusan. Jadi, bila untung hendak satu prinsip, bila rugi kita tolak prinsip itu. Cara yang semacam itulah yang menimbulkan masalah gaji guru-guru itu yang tidak mudah diselesaikan oleh Kementerian. Saya menerangkan perkara ini oleh kerana ada siaran di dalam akhbar bahawa saya mencabar guru-guru. Sebenarnya, saya tidak membuat cabaran, saya cuma menyebut tentang kebenaran, dan saya berharap di dalam keadaan kecemasan yang kita hadapi di dalam negara kita yang mana peruntukan wang tidak begitu banyak, tuntutan-tuntutan itu patutlah berdasarkan kepada prinsip-prinsip dan bukan memegang satu prinsip bila untung, tetapi menolak prinsip yang sama bila rugi.

Berkenaan dengan soal Kolej Pertanian hendak diadakan lebih banyak, terutamanya di Pantai Timur yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus, saya ingin menerangkan bahawa Kolej Pertanian ini adalah di bawah jagaan Kementerian Pertanian. Ini merupakan sebuah institut pertanian bagi melatih pegawai-pegawai bagi Kementerian itu. Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran ada sekolah-sekolah vocational di mana pelajaran-pelajaran pertanian juga di-beri.

Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau telah menyebutkan tentang tulisan Jawi. Berkenaan dengan tulisan Jawi, saya ingin menerangkan di sini bahawa tulisan Jawi diwajibkan pelajarannya selama 80 minit satu minggu bagi murid-murid Melayu mulai daripada Darjah Dua Sekolah Rendah, murid-murid bukan Melayu digalakkan belajar juga. Bagi sekolah-sekolah menengah, pelajaran tulisan Jawi dimasukkan dalam matapelajaran bahasa Melayu. Guru-guru diminta mengajar kegunaan dan kefahaman dalam matapelajaran tersebut dalam tulisan Jawi. Arahan telah dikeluarkan meminta kerjasama daripada guru-guru ugama sekolah rendah mengajar ugama serta memberi pelajaran dalam tulisan Jawi. Mengenai bacaan Al-Quran guru-guru Melayu telah diwajibkan mengajar dalam khat Arab dan ini menunjukkan bahawa tidaklah akan terjadi

keadaan yang mana orang-orang Melayu tidak dapat membaca Al-Qurannya sendiri.

Ahli Yang Berhormat dari Silam, Sabah telah menyebut tentang gaji tiga bulan lewat, perkara ini kadang-kadang terdapat. Saya berharap perkara ini tidak akan berlaku lagi.

Berkenaan dengan rumah bagi guru-guru di Sabah, perkara ini samalah juga dengan rumah bagi guru-guru di tempat-tempat yang terpencil yang lain di seluruh Malaysia ini dan kita telah berusaha supaya diadakan rumah-rumah guru itu. Tetapi seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat yang lain pula, kadang-kadang guru-guru itu tidak menggunakan rumah-rumah ini dan dikatakan rumah-rumah ini akan jadi usang kerana tidak digunakan. Jadi, kalau kita mengadakan rumah guru, maka guru patutlah tinggal di situ, kerana guru dikehendaki mengawasi keadaan di sekolah, bukan sahaja semasa sekolah berjalan di waktu siang.

Ahli Yang Berhormat daripada Bukit Mertajam telah meminta supaya padang permainan diadakan di sekolah rendah. Saya telah menegaskan bahawa soal ini bukanlah menjadi top priority di dalam Kementerian Pelajaran. Kita boleh mengadakan senaman dan sebagainya tanpa mengadakan padang permainan yang luas, tetapi di mana-mana tempat yang boleh kita mengadakan padang permainan kita akan cuba mengadakannya.

Tentang perkara tidak cukup tempat di sekolah rendah jenis kebangsaan, perkara ini adalah di dalam perhatian Kementerian dan kita akan cuba memberi seberapa banyak tempat yang boleh diberikan.

Berkenaan dengan guru-guru yang tidak boleh tinggal dengan keluarganya, kadang-kadang terdapat suami bekerja di satu tempat dan isteri di lain tempat, perkara ini akan diuruskan oleh Kementerian Pelajaran supaya tidak berlaku terlalu sangat.

Ahli Yang Berhormat dari Baling telah bercakap berkenaan dengan guru Grade C, saya telah terangkan di waktu mengulas ucapan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus.

Ahli Yang Berhormat daripada Kangar telah membangkitkan beberapa masalah termasuk soal peperiksaan kita masih dijalankan oleh Cambridge Examination Syndicate. Kita telahpun berunding dengan pihak

Cambridge Examination Syndicate dan mungkin tidak beberapa lama lagi, kita akan menjalankan peperiksaan menerusi syndicate kita sendiri. Tetapi kita patut ingat bahawa kalau kita menyediakan kertas peperiksaan di dalam negara kita ini, maka banyak orang-orang dan banyak kakitangan daripada gred yang rendah akan terlibat dalam pengeluaran kertas-kertas peperiksaan ini dan mungkin akan terjadi pembocoran lebih kerap lagi. Walau bagaimanapun, kita akan kaji caranya supaya pembocoran tidak akan berlaku.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$944,210,500 untuk Kepala B. 23 dan \$154,000,000 untuk Kepala B. 24 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$144,135,051 untuk Kepala P. 23 dan \$45,067,243 untuk Kepala P. 24 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1975.

Kepala B. 13, B. 14 dan B. 15 (Jadual)—

6.11 ptg.

Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi (Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Pengerusi, saya mohon izin membentangkan Anggaran Belanjawan di bawah Kepala B. 13, B. 14 dan B. 15 yang pada masa ini dibahagikan kepada Kementerian Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi.

Tuan Pengerusi, saya usulkan supaya Anggaran Belanja Mengurus tahun 1975 di bawah Kepala tersebut diluluskan jadi sebahagian daripada Jadual. Anggaran-anggaran ini di bawah Kepala-kepala yang disebutkan tadi adalah seperti berikut:

B. 13—\$516,535 untuk Ibu Pejabat Kementerian termasuk Bahagian Perancangan Am dan Tugas-tugas Khas serta Biro Pengaduan Awam.

B. 14—\$10,862,500 untuk Jabatan Perangkaan.

B. 15—\$978,600 untuk Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia.

Tuan Pengerusi, sebagaimana sedia termaklum Kementerian Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi yang menjadi potfolio saya sekarang ini adalah merupakan

salah satu daripada Kementerian yang baru. Ianya telah diwujudkan pada 5hb September, tahun ini dengan percantuman Bahagian Perancangan Am dan Biro Pengaduan Awam dengan Jabatan Perangkaan Malaysia dan Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia yang dahulu semuanya di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Pembentukan Kementerian ini adalah menunjukkan kejujuran, keazaman dan kesedaran Kerajaan untuk mempergiatkan lagi pelaksanaan usaha memajukan negara dan meluaskan pembahagian faedah pembangunan kepada rakyat jelata di serata pelusuk negara dengan mengambil penuh terhadap kesan sosio-ekonomi dalam usaha perancangan dan dalam usaha Kerajaan membentuk sebuah masyarakat yang bersatu-padu, makmur, maju dan adil berasas kepada Rukunegara.

Konsep dalam penubuhan Kementerian ini ialah untuk membolehkan Kerajaan menyediakan menerusi satu Kementerian, agensi perancangan dan penyelidikan yang boleh memberi pandangan menyeluruh berhubung dengan tugas-tugas dan kegiatan-kegiatan berbagai-bagai Kementerian dan Jabatan-jabatan supaya dapat diberi penilaian yang objektif mengenai issue-issue tertentu yang timbul daripada satu masa ke satu masa.

Perlunya Kementerian ini bolehlah diperhatikan daripada implikasi-implikasi sosio-ekonomi yang luas yang timbul daripada perkembangan yang pesat di negara kita ini. Rancangan-rancangan dan jadual pembangunan Kerajaan amat perlu disusun serta dirangka untuk memastikan wujud faedah-faedah sosio-ekonomi maksima dan menentukan ianya dinikmati oleh segenap lapisan masyarakat. Boleh disimpulkan bahawa tujuan utama Kementerian ini adalah untuk mengkaji perkara-perkara penting secara mendalam serta dalam rangka perspektif kepentingan nasional yang luas. Pada asasnya Kementerian ini adalah sebuah agensi perancangan penyelidikan dan penyelarasan bagi menitikberatkan aspek sosio-ekonomi dalam rangka rancangan-rancangan pembangunan negara ini.

Dalam menjalankan tugas-tugas yang tersebut di atas tadi, Kementerian ini sentiasa bekerjasama dan bekerja rapat dengan agensi-agensi pusat yang lain seperti EPU, Perbendaharaan, Bahagian Penyelarasan,

Perlaksanaan dan Kemajuan Pentadbiran serta juga Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan yang lain. Kerajaan berkehendakkan perkhidmatan satu agensi yang boleh menilaikan implikasi-implikasi sosio-ekonomi yang luas yang timbul dari dasar-dasar dan rancangan-rancangan dan Kementerian baru ini pada dasarnya akan bertanggungjawab memainkan peranan tersebut.

Salah satu bahagian dalam Kementerian ini adalah Biro Pengaduan Awam. Seperti sedia termaklum Biro ini telah ditubuhkan pada tahun 1971 dengan tujuan untuk menerima menyelesaikan dan membuat penilaian terhadap aduan-aduan pihak orang ramai mengenai perjalanan jentera Kerajaan amnya. Makluman balas (feedback) yang diterima dari aduan-aduan ini bukan sahaja membolehkan Kerajaan memberi layanan perseorangan serta penyelesaian setakat mana yang boleh tetapi juga dengan berasaskan analisa yang systematic dapat memperbaiki jentera Kerajaan keseluruhannya.

Kita cuba hendak melihat patent-patent daripada aduan-aduan dan kita akan memikirkan bagaimana cara hendak mengelakkan berbangkit aduan-aduan yang menjadi patent itu. Pihak Biro berhubung rapat dengan Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan melalui Pegawai Perhubungannya dan ini membolehkannya mengikut tindakan lanjutan atas masaalah-masaalah yang dirujuk kepada Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan itu. Pihak Biro juga membuat perhubungan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri melalui Sekretariat Negeri dan di negeri-negeri yang ada Biro Pengaduan Awam sendiri dengan Biro-nya itu mengenai aduan-aduan atas perkara-perkara yang termasuk di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Apakala rakyat sudah faham betul-betul cara menggunakan Biro Pengaduan Awam ini maka saya percaya Biro Pengaduan Awam ini akan menjadi satu cermin yang dapat menggambarkan dengan jelasnya kesan-kesan, dasar-dasar Kerajaan dan pentadbiran-pentadbiran Kerajaan di kalangan orang ramai dan daripada feedback itu saya harap kita akan dapat up-date dan mencergaskan jentera Kerajaan kita.

Bahagian Perancangan Am dan Tugas-tugas Khas Kementerian ini mempunyai peranan yang tetap dan bertanggungjawab berdasarkan kepada tugas-tugas yang luas,

sifatnya yang flexible dan pendekatannya yang bercorak antara jabatan mengenai perkara-perkara yang penting. Dari semasa ke semasa, Bahagian ini telah diberi tugas-tugas tertentu oleh Kerajaan untuk mengkaji perkara-perkara yang penting dalam rangka nasional yang tidak termasuk dalam tanggungjawab satu-satu Kementerian ataupun satu-satu jabatan.

Dalam konteks ini beberapa laporan telahpun dikeluarkan dan kebanyakan daripada pengakuan ataupun syor-syor yang terdapat dalam laporan itu telahpun dilaksanakan. Mesyuarat kerap kali diadakan di antara pihak Biro dengan Bahagian Perancangan Am dan Tugas-tugas Khas supaya pendapat-pendapat dan makluman balas yang amat berguna daripada Biro boleh digunakan dalam proses perancangan. Peruntukan yang berjumlah \$516,535 di bawah Kepala B. 13 adalah untuk gaji dan perbelanjaan-perbelanjaan administrasi yang lain.

Jabatan Perangkaan memerlukan peruntukan berjumlah \$10,862,500 bagi tahun 1975 dengan tambahan daripada tahun 1974 sebanyak \$953,997. Peruntukan ini di bawah Kepala 14 bolehlah dikatakan khasnya untuk administrative cost. Jabatan Perangkaan Malaysia akan terus memainkan peranannya dengan lebih giat lagi sebagai satu agensi perangkaan yang pusat yang diberi tanggungjawab untuk memungut, menyusun dan menerbitkan maklumat perangkaan. Jabatan ini akan terus melayani kehendak-kehendak dua sektor iaitu sektor swasta dan sektor awam bagi menyediakan perangkaan yang diperlu dalam membuat keputusan dengan menerbitkan siri perangkaan yang sangat luas. Di sini izinkan saya menerangkan sedikit bahawa peranan Jabatan Perangkaan selalu tidak difaham oleh orang ramai dengan cukup penuh. Banyak yang memikirkan memanglah senang untuk mendapatkan angka-angka dan dari situ angka itu dicetak jadi buku statistics untuk disebar ke mana-mana tempat yang berkehendakkannya. Tetapi sebenarnya peranan statistics dalam konteks development administration adalah lebih berat daripada itu kerana semakin negara kita bertambah maju semakin banyak jentera-jentera yang diguna untuk membuat kerja pembangunan, maka masalah-masaalah yang timbul bertambahlah kompleks (complex) sambil jentera-jentera bertambah sophisticated. Memanglah semakin sehari semakin susah bagi satu-satu Kerajaan di

dalam dunia yang menjalankan development untuk mendapatkan satu gambaran prospective yang betul-betul terang yang boleh memberi satu balanced outlook kepada satu-satu masaalah. Kalau dijalan dengan betul-betul tugas Jabatan Statistics boleh menjimatkan banyak tenaga-tenaga Kerajaan dan memberikan gambaran-gambaran yang cukup tepat kalau Jabatan Perangkaan dapat mengikuti keadaan-keadaan sosial dan ekonomi dalam negeri ini dan membentuk atau designkan statistics yang boleh kalau dibawa sama-sama dengan statistics yang lain satu gambaran yang tertentu dengan kata-kata lain dalam bahasa Inggeris;

“As our development administration become complex, we need in one place a complete perspective of the issue or problem we are going to face so as to enable the Government to appreciate the magnitude of the problem and probably to identify the strategic areas or points where solution can probably avoid the vicious circle.”

Ini adalah masaalah yang besar yang ditempo bukan oleh Malaysia sahaja, tetapi negara-negara lain, tetapi saya sukacita melihat bahawa pembangunan statistics dalam Malaysia begitu baik dan telah mendapat komen yang cukup baik daripada Bangsa-bangsa Bersatu, sehingga saya fikir kita sekarang ini mempunyai satu asas untuk membentuk lagi statistics yang boleh menggambarkan bukan sahaja banyaknya statistics ekonomi tetapi statistics yang akan boleh mengeluarkan corak-corak bentuk hidup orang-orang di dalam negeri ini, dan dengan cara itu barangkali dapat menolong kita mengerti lagi apa target dalam development polisi kita. Dalam tahun 1975 iaitu tahun baru Jabatan ini akan terlibat dalam kerja utama bagi menyediakan perangkaan-perangkaan yang luas yang diperlu oleh agensi-agensi perancangan pusat untuk menilai kemajuan yang telah dicapai di bawah Rancangan Malaysia Kedua. Di samping itu pula, kita mestilah bersedia daripada sekarang untuk menyiapkan statistics dan information yang diperlukan untuk membentuk Rancangan Malaysia Ketiga.

Satu kajian semula perkara-perkara yang terpilih dan wajar yang diuntukkan bagi siri Angka Tunjuk Harga Pengguna Bulanan

akan dijalankan dengan menggunakan keputusan-keputusan yang didapati daripada penyiasatan perbelanjaan isi rumah (household survey), jika perlu perkara-perkara baru akan disertakan dan beberapa yang lama dipotong daripada senarai perkara yang ada sekarang ini.

Dalam tahun 1975 pengiraan angka tunjuk harga pengeluar akan dibuat melalui komputer dan penerbitan kerap angka tunjuk, angka tunjuk itu akan dilakukan. Dengan itu akan terdapat satu sistem yang meluas perangkaan-perangkaan harga bagi kajian pergerakan harga di dalam negeri kita ini. Tidak payah saya sebutkan dalam soal memonitorkan angka tunjuk harga ini pada masa inflasi yang melanda seluruh dunia ini adalah satu tugas yang sangat penting sekali.

Jabatan ini akan cuba memperbaiki Perangkaan Pertanian yang ada sekarang khusus untuk tujuan mendapatkan anggaran yang boleh dipercayai mengenai pengeluaran padi bagi Semenanjung Malaysia. Penyiasatan tanaman negara akan disatukan dengan penyiasatan menuai padi dalam tahun 1975 kelak.

Berasaskan keputusan pilot study pekebun-pekebun kecil getah yang dijalankan dalam tahun ini, Jabatan ini berharap meluaskan kajian untuk meliputi semua aspek penghidupan pekebun-pekebun kecil getah di seluruh Semenanjung Malaysia pada asas per sample atau sample survey.

Kerja memproses banci penduduk perumahan tahun 1970 dijangka akan selesai dalam tahun 1975. Kegiatan-kegiatan utama Bahagian Banci Penduduk dan Jabatan Demography akan tertumpu kepada penyediaan laporan-laporan khas mengenai tenaga buruh ataupun manpower, pelajaran dan kenal huruf (education and illiteracy) berasaskan banci penduduk tahun 1970.

Dalam tahun 1975 juga selain daripada menjalankan penyusunan data pendapatan negara tahunan adalah dijangka bahawa Jabatan ini dapat menggambarkan beberapa perkembangan mengenai penyusunan pendapatan negara.

Jabatan ini akan terus memberikan kemudahan-kemudahan memproses data kepada lain-lain agensi-agensi Kerajaan. Kerja memproses data tambahan oleh komputer bagi

persediaan Rancangan Malaysia Ketiga akan merupa kegiatan utama bagi Jabatan ini.

Malangnya, seperti Jabatan-jabatan lain, Jabatan Perangkaan pun banyak masalah kakitangan, kekurangan kakitangan. Bukan Kerajaan tidak mahu tetapi orangnya tidak ada. Oleh sebab itu, maka kita telah membentuk training programme kita sendiri untuk menambahkan lagi banyak pegawai-pegawai yang mempunyai kemahiran. Pada masa yang sama itu juga rancangan latihan integrasi fellowship akan juga diteruskan.

Tuan Pengerusi: Panjang lagi?

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Saya akan berucap panjang lagi, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Kalau panjang lagi, Yang Berhormat boleh sambung esok.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Baiklah.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 6hb Disember, 1974.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.